



SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN BARU BINTULU
PETI SURAT 1547, JALAN KEMUNTING,
97010 BINTULU,
SARAWAK

BUKU PERATURAN DAN DISIPLIN SEKOLAH

“DISIPLIN ASAS KEJAYAAN”



#SebaruTerbaikMantapHebat

BAHAGIAN A

1. PENDAHULUAN

- 1.1- Untuk menjalankan kuasa yang diperuntukkan dalam Education (School Discipline) Regulation 1959 Seksyen 4 dan 6, maka Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Baru Bintulu dengan ini membuat peraturan yang dikuatkuasakan mulai JANUARI 2022.
- 1.2- Peraturan ini dinamakan **Peraturan-Peraturan Sekolah Menengah Kebangsaan Baru Bintulu**.
- 1.3- Peraturan ini atau mana-mana bahagian dalam peraturan ini boleh **dipinda** atau **ditambah** serta **dimansuhkan** dari semasa ke semasa mengikut keperluan dan kesesuaian.
- 1.4- Setiap pelajar juga tertakluk kepada peraturan-peraturan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri dan mana-mana pihak berwajib yang ada hubungan rapat dengan sekolah.

2. PENGUATKUASAAN

- 2.1-**Semua** guru sekolah ini merupakan **guru disiplin** (Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 10/2001) dan diberikan kuasa untuk menguatkuasakan peraturan sekolah yang telah ditetapkan.
- 2.2-Semua pengawas sekolah yang dilantik diberikan kuasa untuk membantu guru-guru menguatkuasakan peraturan sekolah yang telah ditetapkan.
- 2.3-Setiap pelajar SMK Baru Bintulu dikehendaki mematuhi setiap peraturan yang ada, termasuk peraturan-peraturan baru atau undang-undang kecil yang dikeluarkan dari semasa ke semasa oleh pihak sekolah mengikut keperluan dan ketetapan.
- 2.4-Mana-mana pelajar yang didapati melanggar mana-mana peraturan yang telah termaktub maka akan dikenakan tindakan disiplin mengikut ketetapan dan budi bicara pihak sekolah demi menjaga keharmonian dan keamanan warga SMK Baru Bintulu.

3. KUASA MENJALANKAN HUKUMAN

3.1-Berikut ialah ketetapan individu @ mereka yang diberi mandat untuk menjalankan hukuman mengikut budi bicara berdasarkan kesalahan yang dilakukan oleh pelajar.

- i. *Pengetua*
- ii. *Penolong Kanan*
- iii. *Penolong Kanan Hal Ehwal Murid*
- iv. *Penolong Kanan Petang*
- v. *Guru-Guru Disiplin*
- vi. *Guru-Guru SMK Baru Bintulu Yang Diberikan Kuasa Merotan (Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 7/2003).*

Hukuman yang dikenakan sebenarnya untuk memberikan **pengajaran dan mendidik** para pelajar supaya tidak mengulangi kesalahan sama pada masa akan datang.

4. PENGAWAS

4.1 Pengawas adalah dilantik oleh pihak sekolah. Mereka dipilih daripada pelajar-pelajar yang mempunyai peribadi yang baik, jujur, dedikasi dan berani menjalankan tugas.

4.2-Pengawas-pengawas adalah bertanggungjawab untuk memastikan setiap peraturan sekolah diikuti dan dipatuhi oleh semua pelajar SMK Baru Bintulu

4.3-Pengawas-pengawas berhak menegur serta memberikan arahan yang sesuai kepada para pelajar. Menentang atau mengingkari arahan pengawas adalah perbuatan **melanggar disiplin sekolah**.

BAHAGIAN B

WAKTU PERSEKOLAHAN, PERHIMPUNAN SEKOLAH, KELUAR DARI KAWASAN SEKOLAH DAN TIDAK HADIR KE SEKOLAH

1. WAKTU PERSEKOLAHAN (HADIR DAN PULANG)

- a. Waktu persekolahan bagi sesi pagi ialah jam 7.00 Pagi sehingga 12.20 Tengahari. Manakala waktu persekolahan bagi sesi petang adalah dari jam 12.40 tengahnha sehingga 5.50 Petang.
- b. Pelajar-pelajar hendaklah berada di dalam kawasan sekolah sekurang-kurangnya 10 minit sebelum bermulanya Pengajaran dan pembelajaran (P&P) waktu yang pertama iaitu jam 7.00 Pagi.
- c. Pelajar yang datang lewat akan dicatatkan namanya oleh Guru atau Pengawas yang bertugas. Kelewatan tanpa alasan yang munasabah akan diambil tindakan - surat amaran lewat bagi kesalahan berulang lebih dari 3 kali.
- d. Pada waktu akhir jam 12.00 Tengahari (bagi sesi pagi) dan 5.50 Petang (bagi sesi petang), setiap pelajar hendaklah memastikan kelas dan kerusi meja dalam keadaan bersih dan teratur, beratur diluar kelas masing-masing dan bergerak keluar mengikut laluan penguraian yang telah ditetapkan. Pastikan lampu dan kipas dipadamkan sebelum meninggalkan kelas.
- e. Pelajar yang datang lewat ke sekolah iaitu selepas jam 7.00 Pagi bagi sesi pagi dan jam 12.15 Tengahari bagi sesi petang akan didenda mengikut peraturan sekolah.
- f. Pelajar tidak dibenarkan berada di dalam kawasan sekolah selepas waktu sekolah atau semasa cuti tanpa diiringi oleh guru dan perlu terlebih dahulu mendapatkan kebenaran daripada pengetua atau wakilnya sekiranya menjalankan sebarang aktiviti dikawasan sekolah.
- g. Kehadiran ke sekolah kerana tujuan tertentu yang dijadualkan oleh pihak sekolah berkaitan dengan kurikulum adalah **wajib** apabila diarahkan oleh guru.

2. PERHIMPUNAN SEKOLAH

- a. Perhimpunan mingguan (rasmi) diadakan pada setiap hari Rabu minggu pertama setiap bulan pada jam 7.00 Pagi dan pelajar wajib hadir dalam perhimpunan yang diadakan.
- b. Datang dengan seberapa segera ke tempat perhimpunan .
- c. Berbaris lurus dan senyap mengikut tingkatan pada tempat yang telah ditentukan.
- d. Sewaktu bendera dinaikkan dan lagu dinyanyikan, pelajar hendaklah berdiri tegak dan menyanyikan lagu Negaraku, lagu Negeri Sarawak Ibu Pertiwiku dan lagu sekolah Sekolah Kebanggaanku.
- e. Pelajar-pelajar hendaklah berdiri tegak di mana-mana sahaja dalam kawasan sekolah semasa lagu kebangsaan, lagu negeri dan lagu sekolah dinyanyikan.
- f. Pelajar yang datang lewat **tidak dibenarkan** masuk ke barisan tingkatan dan hendaklah membuat satu barisan khas di tempat perhimpunan. Tindakan akan diambil kepada pelajar-pelajar yang lewat selepas bersurai.
- g. Pelajar hendaklah sentiasa senyap dan menumpukan perhatian kepada pengumuman atau ucapan yang disampaikan.
- h. Setelah selesai perhimpunan, semua pelajar akan bergerak secara teratur dan senyap ke kelas masing-masing mengikut laluan yang telah ditetapkan dengan diiringi guru mata pelajaran pertama.

3. KELUAR DARI KAWASAN SEKOLAH

Semua pelajar **tidak dibenarkan** meninggalkan kawasan sekolah pada waktu persekolahan termasuk pada waktu rehat kecuali dengan kebenaran daripada pengetua apabila :

- a. Ibu bapa datang menjemput kerana sebab-sebab tertentu.
- b. Dihantar oleh guru ke tempat yang diperlukan – Aktiviti Ko-Kurikulum

Pelajar yang terpaksa pulang awal kerana sebab-sebab tertentu perlu mengikuti langkah-langkah yang ditetapkan iaitu :

- a. Berhubung dengan guru tingkatan/guru bertugas/guru penasihat mengenai alasan untuk pulang awal.
- b. Berhubung dengan ibu bapa/penjaga/ahli keluarga supaya datang menjemput pelajar tersebut pulang. Jika ibu bapa /penjaga /ahli keluarga tidak dapat dihubung, guru bertugas perlu memainkan peranannya untuk menyelesaikan masalah tersebut.
- c. Guru berkenaan memberitahu Pengetua /Penolong Kanan /Penolong Kanan HEM /Penolong Kanan Petang dan merekod nama pelajar, tingkatan, sebab pulang awal dan tandatangan ahli keluarga yang membawa pulang di dalam Fail (Murid Keluar Awal).
- d. Pelajar tersebut **dilarang** pulang bersendirian tanpa diiringi oleh ahli keluarga atau guru bertugas atau wakil yang diarahkan oleh pengetua kecuali dalam kes-kes tertentu.

Sebab-sebab yang membolehkan pelajar pulang lebih awal atau keluar dalam waktu persekolahan ialah :

- a. Sakit
- b. Ada aktiviti sekolah yang dijalankan di luar
- c. Jika berlaku kecemasan / kemalangan kepada keluarga yang terdekat

4. KEHADIRAN KE SEKOLAH

- i. Pelajar-pelajar mestilah hadir ke sekolah pada **setiap hari** persekolahan dan hendaklah mengikuti semua matapelajaran yang tercatat dalam jadual waktu.
- ii. Bagi pelajar yang tidak hadir atas sebab-sebab tertentu, ibu bapa atau penjaganya hendaklah menghantar surat atau memberitahu guru tingkatan berkenaan melalui telefon/datang ke pejabat.
- iii. Seseorang pelajar yang tidak hadir ke sekolah selama 3 hari berturut-turut tanpa surat /berita /Kebenaran bertulis akan disiasat . Pihak sekolah akan menghubungi melalui telefon atau menghantar surat kepada ibu bapa atau penjaganya sekiranya tidak dapat dihubungi untuk mendapatkan penjelasan.

5. KEHADIRAN KE AKTIVITI KOKURIKULUM

- i. Matlamat gerak kerja kokurikulum yang dikehendaki ialah penyertaan setiap pelajar. Setiap pelajar hendaklah mengambil bahagian sekurang-kurangnya dalam salah satu gerak kerja pakaian seragam, satu kegiatan persatuan atau kelab dan satu kegiatan sukan atau permainan (Perkara 5.1 Surat Pekeliling Iktisas Bil 1/1985 KP(BS)8591/Jld.II(29))
- ii. Ketidakhadiran pelajar dalam bahagian kegiatan kokurikulum yang murid itu telah mendaftar diri untuk menyertainya merupakan suatu kesalahan yang boleh menyebabkan murid tersebut dikenakan tindakan disiplin jika disabitkan bersalah seperti tindakan atas kesalahan ponteng sekolah atau ponteng kelas .Ketidakhadiran dalam kegiatan kokurikulum juga akan memberikan kesan kepada markah PAJSK pelajar .
- iii. Kehadiran akan direkod dalam kad kokurikulum untuk penilaian.
- iv. Pelajar dikehendaki hadir pada waktu dan hari yang ditetapkan oleh pihak sekolah.

6. KES-KES PONTENG SEKOLAH

- a. Ponteng sekolah merupakan salah laku yang sering dilakukan oleh pelajar sekolah dan fenomena ini sering tidak diketahui dan sukar dikesan oleh ibu / bapa / penjaga mahupun pihak sekolah.
- b. Untuk mengatasi masalah ponteng ini, maka dilampirkan tindakan yang akan diambil oleh pihak sekolah berdasarkan kepada Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 6/1995 : Menangani Masalah Ponteng Di Sekolah.

Surat	Hari Tidak Hadir Berturut-Turut	Hari Tidak Hadir Tidak Berturut -Turut
Amaran Pertama	Pada hari ke-3	Pada hari ke-10
Amaran Kedua	7 hari selepas Amaran pertama (hari ke-10)	10 hari selepas Amaran Pertama (hari ke-20)
Amaran Terakhir	7 hari selepas Amaran Kedua (hari ke-17)	20 hari selepas Amaran Kedua (hari ke-40)
Buang Sekolah	14 hari selepas Amaran Terakhir (hari ke-31)	20 hari selepas Amaran Terakhir (hari ke-60)
Jumlah Hari Tidak Hadir	31 Hari	60 Hari tidak berturut-turut

- c. Walau bagaimanapun tuan/ puan boleh membuat rayuan untuk anak-anak tuan/ puan bersekolah semula melalui Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak, dalam tempoh satu bulan dari tarikh penerimaan Surat Pemberitahuan Buang Sekolah. Seperti yang diperuntukkan pada para 10.2 Ordinan Pelajaran 1957, peraturan-peraturan Pelajar/ Disiplin sekolah 1959.

Petikan: Panduan bagi mengatasi masalah ponteng disekolah. Unit Disiplin Bahagian Kementerian Pendidikan Malaysia 1994

BAHAGIAN C

PAKAIAN- PAKAIAN SERAGAN, PAKAIAN PENDIDIKAN JASMANI

1. PAKAIAN SERAGAM (Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 3/1983)

1.1 - PELAJAR LELAKI

a. Baju Kemeja

- i. Kemeja kapas biasa berwarna putih (pelajar biasa), Hijau (pelajar KAA) dan Kuning (pelajar KRK) , berkolar dan satu kocek di sebelah kiri dan berlengan pendek ataupun panjang.
- ii. Diperbuat daripada kain kapas atau 'tetron cotton'.
- iii. Butang dan jahitan mesti berwarna putih. Butang hendaklah sentiasa dikancing.
- iv. Baju yang berlengan panjang tidak boleh dilipat, tidak terlalu ketat atau terlalu longgar dan tidak berfesyen.
- v. Baju sentiasa dimasukkan (tuck-in) ke dalam seluar.
- vi. Lencana sekolah hendaklah dijahit di atas bahagian kocek baju sekolah. Tanda nama pula dijahit pada bahagian bawah lencana sekolah iaitu pada kocek baju sekolah.
- vii. Pelajar tidak dibenarkan memakai sebarang T-shirt lain di dalam baju kemeja selain yang berwarna putih sahaja dan tanpa bercorak.
- viii. Tali leher boleh dapatkan di Koperasi Sekolah. Tali leher pelajar perlu sentiasa dipakai dan tidak boleh melonggarkan tali leher sehingga menampakkan dada tau butang yang kedua.
- ix. Songkok yang dibenarkan adalah mempunyai ketinggian **tidak melebihi 4 inci** dan berwarna hitam. Pemakaian sebarang bentuk kopiah atau ketayap atau yang sewaktu dengannya adalah tidak dibenarkan. Kegagalan mematuhi peraturan yang ditetapkan akan menyebabkan bahan tersebut **dirampas**.

b. Seluar

- i. Seluar panjang berwarna hijau (ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia) manakala untuk pelajar KAA, KRK dan Pengawas adalah berwarna hitam.
- ii. Seluar hendaklah potongan biasa, seluar "jean" dan potongan "jean" tidak dibenarkan.
- iii. Kocek hendaklah berjenis tebukan bukan kocek bertampal.
- iv. Seluar yang ketat atau terlalu longgar tidak dibenarkan.
- v. Panjang seluar hendaklah sampai ke bawah buku lali.

- vi. Luas hujung kaki seluar :
 - a. Murid berbadan kecil (18cm – 12cm)
 - b. Murid berbadan sederhana(21cm – 23cm)
 - c. Murid berbadan besar (23cm – 25cm)
- vii. Tidak boleh berfesyen seperti “bootcut” dan “kecil” bahagian bawahnya.

c. **Tali Pinggang**

- i. Lebar tali pinggang tidak melebihi 3cm
- ii. Hanya tali pinggang berwarna hijau, hitam atau biru gelap sahaja dibenarkan.
- iii. Kepala tali piggang yang besar dan berfesyen tidak dibenarkan
- iv. Tali pinggang kulit dibenarkan.
- v. Kegagalan mematuhi peraturan yang ditetapkan akan mnyebabkan bahan tersebut dirampas dan tidak dikembalikan.

1.2 - PAKAIAN PELAJAR PEREMPUAN

a. **Kain**

- i. Berwarna biru cerah (ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia) bagi pelajar biasa manakala pelajar KAA dan Pengawas berwarna hitam.
- ii. Kain daripada jenis kapas atau “tetron cotton” bukan daripada jenis sutera, satin dan jarang.
- iii. Panjang kain di bawah aras buku lali.
- iv. Kain susun, bukan potongan A dan selisih depan tidak dibenarkan.
- v. Pelajar hendaklah memakai kain dalam – panjang kain dalam hendaklah melebihi paras lutut.

b. **Baju Kurung**

- i. Baju mestilah potongan baju kurung Johor (Teluk Belanga).
- ii. Kain kapas atau “tetron cotton” bukan daripada jenis sutera, satin dan jarang.
- iii. Berwarna putih bagi pelajar biasa dan pengawas manakala berwarna hijau untuk pelajar KAA dan kuning untuk pelajar KRK , lengkap dengan butang atau kancing baju yang tidak melebihi ukuran syiling 5 sen. Pin dawai (safety pin) tidak dibenarkan.
- iv. Panjang atau labuh baju hendaklah 2 inci di bawah paras lutut. Panjang lengan bagi baju kurung pula pada paras pergelangan tangan dan tidak boleh dilipat.
- v. Lengan baju kurung jenis bercekak sama ada yang berbutang atau bergetah adalah dibenarkan.
- vi. Pelajar hendaklah memakai anak baju (camisole) yang berwarna putih/ krim dan labuhnya melebihi paras pinggang.
- vii. Murid Islam yang bertudung wajib serkup (anak tudung) yang berwarna putih tanpa renda, tanpa manik-manik dan tidak bersulam.
- viii. Labuh tudung mestilah menutupi depan dada dan belakang dada murid hingga paras pinggang.
- ix. Pelajar tidak dibenarkan memakai sebarang jenis tudung bawal yang dijahit tengah atau tudung masuk.
- x. Pelajar tidak dibenarkan memakai sebarang kerongsang pada tudung.
- xi. Pelajar bukan Islam yang memakai baju kurung perlu memakai butang atau kancing di leher baju kurung.
- xii. Jahit lencana pada bahagian kiri tudung (paras dada) dan di bawahnya tanda nama hendaklah dijahit (bukan ditampal).

- xiii. Manakala pelajar yang bukan Islam perlulah menjahit lencana pada bahagian kiri baju (paras dada) dan dibawahnya tanda nama hendaklah dijahit (bukan ditampal).
- xiv. Pelajar tidak dibenarkan memakai tudung berwarna hitam bagi aktiviti sekolah yang lain melainkan hanya pelajar KAA sahaja.

c. Pinafore dan Kemeja

- i. “Pinafore” hendaklah berwarna biru cerah (ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia)
- ii. Baju kemeja putih jenis kapas berlengan pendek atau panjang dan tidak boleh dilipat.
- iii. Fabrik yang digunakan hendaklah diperbuat daripada kain kapas atau “tetron cotton”.
- iv. Bahagian kiri hendaklah dijahit tanda nama dan lencana sekolah.
- v. Wajib memakai tali leher dan pelajar perlu sentiasa memakai tali leher sekolah dengan kemas. Tidak boleh melonggarkan tali leher sehingga menampakkan dada atau butang yang kedua.
- vi. Panjang atau labuh “pinafore” 2 inci di bawah paras lutut, tidak singkat dan tidak terlalu ketat.
- vii. Lencana sekolah hendaklah dijahit pada bahagian dada sebelah kiri “pinafore” dan di bawahnya hendaklah dijahit tanda nama.
- viii. Pelajar tidak dibenarkan memakai sebarang T-shirt lain di dalam baju kemeja selain yang berwarna putih sahaja dan tanpa bercorak.

2. PAKAIAN PENDIDIKAN JASMANI

2.1 - T-shirt PJK(Merah)

- i. Semua pelajar SMK Baru Bintulu Wajib memakai baju T-shirt PJK yang ditetapkan oleh sekolah dan boleh didapati di Koperasi Sekolah.
- ii. Pelajar perempuan Islam wajib memakai T-shirt berlengan panjang.

2.2 - Seluar sukan panjang

- i. Seluar Panjang Sukan jenis track suit hanya berwarna hitam atau biru gelap dan tidak terlalu ketat.
- ii. Seluar sukan jenis yoga, ladging, palazzo adalah tidak dibenarkan.

3. KASUT DAN STOKING

- i. Pelajar diwajibkan memakai kasut dan stokin.
- ii. Kasut jenis kanvas, pvc dan getah mestilah berwarna hitam, tidak berbelang-belang/bercorak-corak.
- iii. Stoking pendek berwarna hitam (tidak berjalur pada bahagian hitam).
- iv. Stoking mestilah atas paras buku lali.

4. PAKAIAAN KOKURIKULUM

- i. Pelajar hendaklah memakai pakaian unit kokurikulum masing-masing pada setiap hari Rabu.
- ii. Baju t-shirt PJK sekolah **bukan** pakaian rasmi unit beruniform.
- iii. Pelajar dikehendaki memakai pakaian lengkap sekolah semasa menyertai lawatan anjuran kelab/ persatuan sekolah kecuali dengan izin pengetua.
- iv. Pelajar tidak dibenarkan memakai seluar pendek semasa berada di sekolah untuk setiap aktiviti.

5. PAKAIAAN PADA WAKTU-WAKTU LAIN

- i. Pelajar hendaklah memakai pakaian T-shirt PJK sekolah atau baju T-shirt berkolar dan berseluar sopan tidak ketat semasa menghadiri kelas tambahan.
- ii. Pakai pakaian yang sesuai dan sempurna semasa datang ke sekolah untuk mengambil keputusan peperiksaan SPM. Keputusan tidak akan dikeluarkan jika pelajar tidak memakai pakaian yang sesuai dan kemas.
- iii. Berpakaian kemas dan sesuai ketika berurusan dengan pihak sekolah seperti meminta surat rawatan doktor, sijil berhenti sekolah, minta pengesahan salinan-salinan sijil dan seumpamanya.
- iv. Memakai pakaian yang tidak sesuai mengikut pertimbangan pihak sekolah seperti tidak kemas, terlalu ketat sehingga mencolok mata, ataupun mempunyai gambar yang berunsur negatif adalah dilarang keras dan segala urusan tidak akan dilayan.
- v. Pihak sekolah berhak menghalau keluar daripada kawasan sekolah dan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pelajar yang tidak mematuhi etika berpakaian semasa berada di kawasan sekolah.



TATACARA BERPAKAIAN SERAGAM PELAJAR LELAKI SMK BARU BINTULU



BERSONGKOK TIDAK
MELEBIHI KETINGGIAN
4 INCI

*TIDAK DIWAJIBKAN KECUALI
PELAJAR
KELAS ALIRAN AGAMA (KAA)

BAJU KEMEJA PUTIH
(LENGAN PANJANG / PENDEK)

TALI LEHER

BERLENCANA SEKOLAH

* SENTIASA DIKETATKAN
*TIDAK TERLALU PENDEK

SELUAR SLACK HIJAU TUA
(STRAIGHT CUT)

*POTONGAN JEANS TIDAK DIBENARKAN
*SLIM FIT TIDAK DIBENARKAN
*PANJANG HINGGA KE TUMIT KAKI

KASUT SEKOLAH CANVAS / KULIT PVC
&
DAN BERSTOKIN

* BERWARNA HITAM / PUTIH
* STOKIN PANJANG MELEBIHI PARAS BUKU LALI
* KASUT SUKAN TIDAK DIBENARKAN



LENCANA SEKOLAH DIJAHIT

TANDA NAMA DIJAHIT

TALI PINGGANG BEWARNA GELAP
&
BERKEPALA KOSONG DAN KECIL

* WARNA GELAP
- HIJAU TUA
- BIRU TUA

Kata-kata hensem:

*"Memakai pakaian yang KEMAS merupakan
penghargaan kepada diri sendiri"*

UNIT DISIPLIN SEKOLAH

HAL EHWAL MURID (HEM) SMK BARU BINTULU

" SEBARU TERBAIK, MANTAP, HEBAT "



TATACARA BERPAKAIAN SERAGAM PELAJAR KAA LELAKI SMK BARU BINTULU



BERSONGKOK TIDAK
MELEBIHI KETINGGIAN
4 INCI

SEMUA PELAJAR KAA DIWAJIBKAN MEMAKAI
SONGKOK

BAJU KEMEJA HIJAU
(LENGAN PANJANG)

TALI LEHER
BERLENCANA SEKOLAH

- * SENTIASA DIKETATKAN
- * TIDAK TERLALU PENDEK

SELUAR SLACK HITAM
(STRAIGHT CUT)

- * POTONGAN JEANS TIDAK DIBENARKAN
- * SLIM FIT TIDAK DIBENARKAN
- * PANJANG HINGGA KE TUMIT KAKI

KASUT SEKOLAH CANVAS / KULIT PVC
&
DAN BERTSTOKIN

- * BERWARNA HITAM
- * STOKIN PANJANG MELEBIHI PARAS BUKU LALI
- * KASUT SUKAN TIDAK DIBENARKAN



LENCANA SEKOLAH DIJAHIT

TANDA NAMA DIJAHIT

TALI PINGGANG BEWARNA GELAP
&
BERKEPALA KOSONG DAN KECIL

- * WARNA GELAP
- HIJAU TUA
- BIRU TUA

kata-kata hikmah:

"Memakai pakaian yang KEMAS merupakan penghargaan kepada diri sendiri."

LEMBAGA DISIPLIN SEKOLAH
HAL EH WAL MURID (HEM) SMK BARU BINTULU
" SEBARU TERBAIK, MANTAP, HEBAT "



TATACARA BERPAKAIAN SERAGAM PELAJAR PEREMPUAN SMK BARU BINTULU

BERTUDUNG PUTIH
(TUDUNG SEKOLAH)

- *MENUTUPI DADA DAN PANJANG
DIBELAKANG
- * DIWAJIBKAN BERTUDUNG LABUH
UNTUK PELAJAR
KELAS ALIRAN AGAMA (KAA)

LENCANA SEKOLAH DIJAHIT

TANDA NAMA DIJAHIT



BAJU KURUNG PUTIH
LABUH

KAIN SARUNG BIRU MUDA

- *LONGGAR
- *PANJANG MENUTUPI TUMIT KAKI

KASUT SEKOLAH CANVAS /KULIT PVC
&
DAN BERTOKIN

- * BERWARNA HITAM / PUTIH
- * STOKIN PANJANG MELEBIHI PARAS BUKU LALI
- * KASUT SUKAN TIDAK DIBENARKAN

Kata-kata hikmah:

*"Memakai pakaian yang KEMAS merupakan
penghargaan kepada diri sendiri"*

LEMBAGA DISIPLIN SEKOLAH

HAL EHWAL MURID (HEM) SMK BARU BINTULU
" SEBARU TERBAIK, MANTAP, HEBAT "



TATACARA BERPAKAIAN SERAGAM PELAJAR KAA PEREMPUAN SMK BARU BINTULU



kata-kata hikmah:

"Memakai pakaian yang KEMAS merupakan penghargaan kepada diri sendiri."

LEMBAGA DISIPLIN SEKOLAH

HAL EHWAL MURID (HEM) SMK BARU BINTULU

"SEBARU TERBAIK, MANTAP, HEBAT"



TATACARA BERPAKAIAN SERAGAM PELAJAR PEREMPUAN SMK BARU BINTULU



LENCANA SEKOLAH DIJAHIT

TANDA NAMA DIJAHIT

RAMBUT DIKEMASKAN
&
DIIKAT SEKIRANYA PANJANG
* DILARANG MEWARNAKAN RAMBUT

BAJU KURUNG PUTIH
LABUH

KAIN SARUNG BIRU MUDA

* LONGGAR
* PANJANG MENUTUPI TUMIT KAKI

KASUT SEKOLAH CANVAS / KULIT PVC
&
DAN BERTSTOKIN

* BERWARNA HITAM / PUTIH
* STOKIN PANJANG MELEBIHI PARAS BUKU LALI
* KASUT SUKAN TIDAK DIBENARKAN

kata-kata hikmah:

*"Memakai pakaian yang KEMAS merupakan
penghargaan kepada diri sendiri."*

LEMBAGA DISIPLIN SEKOLAH

HAL EHWAL MURID (HEM) SMK BARU BINTULU

"SEBARU TERBAIK, MANTAP, HEBAT"



TATACARA BERPAKAIAN SERAGAM PELAJAR PEREMPUAN SMK BARU BINTULU

RAMBUT DIKEMASKAN
&
DIIKAT SEKIRANYA PANJANG
* DILARANG MEWARNAKAN RAMBUT

LENCANA SEKOLAH DIJAHIT
TANDA NAMA DIJAHIT

BAJU KEMEJA PUTIH
(LENGAN PANJANG / PENDEK)

PINAFORE
BERWARNA BIRU MUDA

* LONGGAR DAN TIDAK KETAK
* LABUH MELEBIHI PARAS BAWAH LUTUT

Kata-kata hikmah:

"Memakai pakaian yang KEMAS merupakan penghargaan kepada diri sendiri"

LEMBAGA DISIPLIN SEKOLAH

HAL EHWAL MURID (HEM) SMK BARU BINTULU
" SEBARU TERBAIK, MANTAP, HEBAT "

KASUT SEKOLAH CANVAS / KULIT PVC
&
DAN BERTOKIN

* BERWARNA HITAM / PUTIH
* STOKIN PANJANG MELEBIHI PARAS BUKU LALI
* KASUT SUKAN TIDAK DIBENARKAN





TATACARA BERPAKAIAN SERAGAM PELAJAR PEREMPUAN SMK BARU BINTULU



RAMBUT MESTILAH DISIKAT KEMAS



LENCANA SEKOLAH

BAJU T SHIRT SEKOLAH BERWARNA
MERAH

* LENGAN PENDEK ATAU PANJANG

TRACK SUIT BERWARNA GELAP

* HITAM ATAU BIRU TUA

* LONGGAR

* PANJANG MENUTUPI TUMIT KAKI

KASUT SEKOLAH CANVAS / KULIT PVC
&
DAN BERTSTOKIN

* BERWARNA HITAM / PUTIH

* STOKIN PANJANG MELEBIHI PARAS BUKU LALI

* KASUT SUKAN TIDAK DIBENARKAN

kata-kata hikmah:

*"Memakai pakaian yang KEMAS merupakan
penghargaan kepada diri sendiri"*

LEMBAGA DISIPLIN SEKOLAH

HAL EHWAL MURID (HEM) SMK BARU BINTULU

"SEBARU TERBAIK, MANTAP, HEBAT"



TATACARA BERPAKAIAN SERAGAM PELAJAR PEREMPUAN SMK BARU BINTULU



BERTUDUNG PUTIH
(TUDUNG SEKOLAH)

*MENUTUPI DADA DAN PANJANG
DIBELAKANG
*DIWAJIBKAN BERTUDUNG LABUH
UNTUK PELAJAR
KELAS ALIRAN AGAMA (KAA)

LENCANA SEKOLAH DIJAHIT

TANDA NAMA DIJAHIT

BAJU T-SHIRT SEKOLAH BERWARNA
MERAH
*LENGAN PANJANG UNTUK PELAJAR
ISLAM

TRACK SUIT BERWARNA GELAP

*HITAM ATAU BIRU TUA
*LONGGAR
*PANJANG MENUTUPI TUMIT KAKI

KASUT SEKOLAH CANVAS / KULIT PVC
&
DAN BERSSTOKIN

*BERWARNA HITAM / PUTIH
*STOKIN PANJANG MELEBIHI PARAS BUKU LALI
*KASUT SUKAN TIDAK DIBENARKAN

Kata-kata hikmah:

*"Memakai pakaian yang KEMAS merupakan
penghargaan kepada diri sendiri."*

LEMBAGA DISIPLIN SEKOLAH

HAL EHWAL MURID (HEM) SMK BARU BINTULU

"SEBARU TERBAIK, MANTAP, HEBAT"



TATACARA BERPAKAIAN SERAGAM PELAJAR PEREMPUAN SMK BARU BINTULU



RAMBUT MESTILAH KEMAS ATAU DIIKAT
SEKIRANYA PANJANG MELEBIHI
PARAS BAHU



LENCANA SEKOLAH

BAJU T SHIRT SEKOLAH BERWARNA
MERAH

*LENGAN PENDEK ATAU PANJANG

TRACK SUIT BERWARNA GELAP

*HITAM ATAU BIRU TUA

*LONGGAR

*PANJANG MENUTUPI TUMIT KAKI

KASUT SEKOLAH CANVAS /KULIT PVC
&
DAN BERTOKIN

* BERWARNA HITAM / PUTIH

* STOKIN PANJANG MELEBIHI PARAS BUKU LALI

* KASUT SUKAN TIDAK DIBENARKAN

Kata-kata hikmah:

*"Memakai pakaian yang KEMAS merupakan
penghargaan kepada diri sendiri"*

LEMBAGA DISIPLIN SEKOLAH

HAL EHWAL MURID (HEM) SMK BARU BINTULU

" SEBARU TERBAIK, MANTAP, HEBAT "



SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN BARU BINTULU

KEDUDUKAN LENCANA SEKOLAH PADA PAKAIAN SERAGAM



LEMBAGA DISIPLIN SEKOLAH
HAL EHWAL MURID (HEM) SMK BARU BINTULU
"SEBARU TERBAIK, MANTAP, HEBAT"

BAHAGIAN D

PENAMPILAN DIRI

a. RAMBUT PELAJAR LELAKI/ MISAI/ JANGGUT

- a. Sebarang jenis rambut hendaklah pendek dan kemas
- b. Ketetapanannya adalah mengikut (*surat pekeliling ihktisas bil.2 / 1976*).
- c. Keterangan potongan rambut yang dibenarkan adalah seperti berikut :
 - 1. Pandangan depan - tidak melebihi garisan bulu kening.
 - 2. Pandangan sisi - rambut tidak boleh menutupi telinga
- side burn tidak boleh melepasi garisan tengah hidung.
 - 3. Pandangan belakang - rambut tidak melebihi 1 1/2 inci dan mesti di atas paras kolar.
- d. Semua fesyen rambut yang mencolok mata adalah dilarang.
- e. Potongan rambut tidak boleh berfesyen (seperti “punk”, diwarnakan atau dikeritingkan, berekor, berjuntai di hadapan, ala beatle, hipi, tercacak-cacak, membuat sebarang ukiran dikepala yang menampilkan rambut berfesyen).
- f. Potongan botak sehingga menampilkan kulit kepala juga tidak dibenarkan. Potongan botak mestilah tidak kurang daripada mata mesin no.3 (seperti yang ditetapkan oleh pihak KPM)
- g. Tidak dibenarkan menyimpan janggut, atau jambang dan juga misai.
- h. Sebarang jenis rambut yang tidak menepati syarat yang ditetapkan oleh peraturan sekolah akan dikenakan hukuman mengikut budi bicara sekolah setelah diberikan amaran kepada pelajar.

b. PELAJAR PEREMPUAN

- a. Rambut tidak mencecah paras bahu, jika melebihi paras bahu rambut perlu diikat dengan kemas pada pangkal rambut dengan pengikat rambut yang berwarna hitam sahaja.
- b. Tidak dibenarkan menjuraikan/ melepaskan rambut. Rambut yang terjurai perlu disepit dengan penyepit yang dibenarkan.
- c. Rambut pendek perlu disikat dengan kemas dan sepitkan rambut yang panjang lebih daripada paras telinga atau dahi.
- d. Tidak dibenarkan mewarnakan rambut dan berfesyen.
- e. Reben dan penyepit rambut yang dibenarkan adalah yang berwarna dan hitam sahaja dan tidak berfesyen yang keterlaluan.

c. PERSOLEKAN/ BERHIAS DIRI

- a. Pelajar dilarang bersolek ke sekolah (seperti memakai gincu, mascara, mekap dan eye-shadow).
- b. Pelajar dilarang mencukur atau mencabut bulu kening.
- c. Semua pelajar tidak dibenarkan memelihara/ menyimpan kuku yang panjang. Kuku mesti dalam keadaan bersih, pendek dan tidak diwarnakan
- d. Sekiranya membawa sebarang peralatan solekan, Kegagalan mematuhi peraturan yang ditetapkan akan menyebabkan bahan tersebut **dirampas**.

d. PERHIASAN KEMAS DAN JAM TANGAN

- a. Pelajar lelaki dan perempuan adalah dilarang memakai sebarang bentuk perhiasan kemas seperti anting-anting, rantai leher, gelang, cincin, gelang kaki dan yang sebarang bentuk perhiasan yang sewaktu dengannya sama ada emas, perak dan lain-lain.
- b. Rantai yang mempunyai lambanga gama atau kepercayaan adat masing-masing dibenarkan dengan syarat rantai yang dipakai mestilah labuh dan tidak dipamerkan.
- c. Sebarang jenis Jam pintar (smart watch) yang mempunyai pelbagai fungsi adalah tidak dibenarkan dipakai di sekolah.
- d. Kegagalan mematuhi peraturan yang ditetapkan akan menyebabkan bahan tersebut **dirampas**.



PERATURAN RAMBUT PELAJAR LELAKI SMK BARU BINTULU



(SURAT PEKELILING IHKTISAS BIL.2 / 1976)



PANDANGAN
DEPAN



PANDANGAN
SISI



PANDANGAN
BELAKANG

KETERANGAN :

1. PANDANGAN DEPAN - TIDAK MELEBIHI GARISAN BULU KENING.
2. PANDANGAN SISI - RAMBUT TIDAK BOLEH MENUTUPI TELINGA
- SIDE BURN TIDAK BOLEH MELEPASI GARISAN TENGAH
HIDUNG.
3. PANDANGAN BELAKANG - RAMBUT TIDAK MELEBIHI 1 1/2 INCI DAN MESTI
DIATAS PARAS KOLAR.

TIDAK DIBENARKAN



RAMBUT
PANJANG



MEWARNA
ATAU UKIRAN
RAMBUT



SIDE BURN
PANJANG



BOTAK LICIN



MENYIMPAN
MISAI ATAU
JAMBANG

LEMBAGA DISIPLIN SEKOLAH
HAL EHWAL MURID (HEM) SMK BARU BINTULU
" SEBARU TERBAIK, MANTAP, HEBAT "

BAHAGIAN E

PENGUNAAN BILIK DARJAH, BILIK-BILIK, KHAS, KEMUDAHAN AWAM DAN HARTA BENDA SEKOLAH

1. BILIK DARJAH(KELAS)

a. Kebersihan Dan Keceriaan Kelas

- i. Setiap kelas hendaklah sentiasa berada dalam keadaan bersih, ceria dan dihias dengan bahan-bahan berunsur pendidikan. Setiap pelajar dalam kelas bertanggungjawab terhadap kebersihan kelas masing-masing.
- ii. Patuhi jadual giliran bertugas.
- iii. Kerusi meja hendaklah dalam keadaan kemas dan tersusun. Setiap pelajar bertanggungjawab terhadap kerusi meja yang diperuntukkan kepada mereka. Pelajar tidak dibenarkan membawa kerusi dan meja atau mengambil kerusi atau meja daripada kelas lain .
- iv. Setiap kerosakan perabot, peralatan dan kemudahan elektrik di dalam kelas hendaklah dilaporkan serta-merta kepada guru kelas masing-masing.
- v. Pelajar dikehendaki **menggantikan** sebarang kerosakan yang disebabkan oleh kecuaiian pelajar sendiri.
- vi. Pelajar hanya dibenarkan masuk ke dalam bilik darjah pada waktu belajar dan arahan daripada guru sahaja.
- vii. Pelajar tidak dibenarkan menukarkan pakaian di dalam bilik darjah.
- viii. TutUp lampu/kipas semasa meninggalkan kelas.

b. Papan Kenyataan

- i. Papan kenyataan di dalam kelas hendaklah memaparkan maklumat-maklumat berikut:
 - Carta Organisasi Kelas
 - Jadual Waktu Kelas
 - adual Bertugas Harian
 - Pelan Kedudukan Pelajar Serta Nombor Kerusi Meja
 - Arahan Kawad Kebakaran
 - Sudut Mata Pelajaran

c. Disiplin ketika Di Dalam Kelas

- i. Pelajar-pelajar tidak dibenarkan keluar dari bilik kelas tanpa kebenaran guru atau ketua kelas.
- ii. Semasa guru tidak ada dalam kelas pelajar-pelajar hendaklah membuat kerja yang berfaedah tanpa berbuat bising. Ketua kelas wajib mencari guru matapelajaran waktu tersebut dan sekiranya guru tersebut tiada maka guru kelas bertanggungjawab menjaga ketenteraman kelasnya.
- iii. Ketuk pintu untuk mendapat kebenaran masuk dan minta kebenaran guru/ketua kelas membuat sesuatu.
- iv. Suasana di dalam kelas hendaklah menggambarkan suasana pembelajaran tanpa sebarang gangguan kebisingan.
- v. Setiap pelajar tidak boleh menimbulkan gangguan pada waktu pengajaran dan pembelajaran. Ini termasuklah perbuatan berbual-bual, berbuat bising, berjalan-jalan di dalam kelas, bergurau senda, bergaduh dan sebagainya.
- vi. Ketika pertukaran waktu, sementara menunggu ketibaan guru, setiap pelajar hendaklah dalam keadaan senyap dan duduk di tempat masing-masing.
- vii. Pelajar **tidak dibenarkan** menggunakan bilik kelas untuk sebarang perjumpaan atau majlis-majlis tertentu tanpa kebenaran pengetua.

d. Keselamatan Bilik Kelas

- i. Pelajar dilarang merosakkan harta benda kelas, menconteng, menulis atau mengotorkan papan tulis, papan kenyataan, meja tulis dan sebagainya.
- ii. Pelajar dilarang menyalahgunakan perabot dan elektrik di dalam kelas. Segala kipas dan lampu mestilah ditutup/ dipadamkan semasa meninggalkan kelas. Pelajar tidak dibenarkan membawa perabot keluar dari kelas.
- iii. Pelajar dilarang menanggalkan cermin tingkap dan keluar melaluinya.
- iv. Kerusi, meja, cermin tingkap dan perabot yang rosak/ pecah tidak dibenarkan diletakkan di dalam kelas dan hendaklah segera laporkan kepada guru. Jangan cuba membaiki sendiri jika terdapat peralatan yang rosak.
- v. Utamakan keselamatan dan sentiasa peka akan loceng keselamatan.
- vi. Beratur meninggalkan kelas dengan segera apabila loceng kecemasan dibunyikan dan terus menuju ke tempat lapang.
- vii. Bawa barang yang penting sahaja dan sentiasa patuhi arahan guru dari semasa ke semasa.

e. Ketika Keluar Kelas

- i. Pelajar hendaklah mendapatkan keizinan daripada guru jika ingin keluar dari kelas. Pelajar hendaklah menggunakan “PAS TANDAS” atau “PAS KELUAR” (guru). Pas keluar yang digunakan hanya untuk seorang pelajar sahaja pada satu-satu masa kebenaran diberikan.
- ii. Apabila keuar untuk ke makmal, Bilik ERT, Bilik SPT, Bilik Lukisan atau ke padang untuk Pendidikan Jasmani, pelajar hendaklah beratur berdua-dua mengikut kumpulan kelas.
- iii. Setiap pelajar dilarang berada di luar kelas masing-masing pada waktu ketiadaan guru atau ketika guru belum sampai.
- iv. Pelajar tidak dibenarkan keluar ke tandas pada waktu pertama, waktu sebelum dan selepas rehat serta waktu terakhir melainkan kes kecemasan.
- v. Amalan budi bahasa dan sopan santun dalam pergaulan, elakkan pergaduhan, jangan bergurau, bermain dan berlari di dalam kelas.

2. PUSAT SUMBER (PERPUSTAKAAN DAN BILIK MEDIA)

- i. Pusat sumber ialah tempat untuk membaca dan mengulang kaji pelajaran **BUKAN** tempat bersembang, bermain, berbuat bising atau tidur.
- ii. Gunakan buku/ peralatan dengan cermat dan pulangkan semula ke tempat asal.
- iii. Elakkan perbuatan yang boleh mengganggu pelajar lain sedang membaca/ belajar di pusat sumber.
- iv. Pelajar dialrang menyalahgunakan buku atau bahan bacaan di perpustakaan termasuk menconteng atau mengoyaknya. Perbuatan mencuri buku atau bahan bacaan lain akan dikenakan tindakan tegas.
- v. Pelajar atau kumpulan pelajar yang melanggar peraturan penggunaan pusat sumber akan dikenakan tindakan disiplin dan/ atau digantung keanggotaannya serta dilarang daripada memasuki atau menggunakan kemudahan pusat sumber.

3. KHIDMAT BIMBINGAN DAN KAUNSELING

- i. Pelajar yang ingin berjumpa dengan kaunselor, hendaklah mendaftarkan diri untuk janji temu dengannya pada waktu tidak belajar dan sekiranya perlu, pelajar perlulah mendapatkan surat temujanji dengan kaunselor .
- ii. Pelajar yang ada janji temu dengan kaunselor hendaklah mendapatkan kebenaran guru di dalam kelas sebelum meninggalkan kelas.

4. BILIK RAWATAN

- i. Pelajar yang perlu berehat di bilik rawatan kerana masalah kesihatan hendaklah mendapatkan bantuan guru bertugas dan kebenaran daripada pengetua atau wakilnya.
- ii. Pelajar hendak mendapatkan rawatan di hospital/ klinik kerajaan perlu mendapatkan “Surat Rawatan Percuma” daripada pihak sekolah yang ditandatangani oleh pengetua atau wakilnya.
- iii. Jika urusan ke hospital atau klinik kerajaan dilakukan pada waktu persekolahan, pelajar tertakluk kepada peraturan “Keluar Dari Kawasan Sekolah”.

5. BILIK AIR / TANDAS

- ii. kebersihan tandas adalah tanggungjawab bersama.
- iii. Pelajar-pelajar hanya dibenarkan menggunakan tandas yang dikhaskan untuk pelajar sahaja. Pelajar tidak dibenarkan ke tandas pada waktu pertama, sebelum dan selepas rehat.
- iv. Tuala wanita(pad) yang telah digunakan hendaklah dibungkus dengan rapi dan dibuang ke dalam bekas/ tong yang disediakan.
- v. Jangan rosakkan kemudahan yang ada kerana ini akan menyusahkan diri sendiri dan orang lain.
- vi. laporkannya kepada guru bertugas jika ada sebarang kerosakan.
- vii. Semua pelajar bertanggungjawab terhadap kebersihan tandas. Elakkan perbuatan tidak mengepam tandas setelah digunakan, menconteng tandas dan sebagainya.
- viii. Semua pelajar mesti mencuci tangan selepas menggunakan tandas.

6. BENGKEL / BILIK PENDIDIKAN SENI

- i. Bengkel ialah kawasan bilik larangan. Masuk hanya setelah mendapat kebenaran daripada guru sahaja.
- ii. Pelajar-pelajar hendaklah beratur dengan tertib di luar bengkel sehingga guru datang.
- iii. Pelajar hendaklah masuk ke dalam bengkel dengan senyap dan teratur. Mereka tidak seharusnya berebut-rebut untuk mendapatkan tempat duduk.
- iv. Dilarang menyentuh dan mengubah peralatan yang sedia ada tanpa arahan guru. Selepas menggunakan alat-alat dan perkakas, hendaklah dipulangkan ke tempat asalnya.
- v. Mesin dan alat-alat hanya boleh digunakan setelah mendapat kebenaran daripada guru mengajar. Jangan gunakan sebarang peralatan tanpa kebenaran dan pengawasan guru.
- vi. Semua pelajar semasa membuat kerja yang melibatkan penggunaan mesin mestilah tidak memakai tali leher dan perlu ditanggalkan sementara.

- vii. Jika berlaku suatu kemalangan, laporkannya kepada guru dengan segera.
- viii. Jangan tumpahkan sebarang cecair atau bahan kimia yang digunapakai di atas lantai. Jika berlaku penumpahan, secepatnya hendaklah dilap dan dibersihkan.
- ix. Apabila menggerudi atau mencanai, hendaklah menggunakan kaca mata terang.
- x. Jangan baling alat-alat dari satu tempat ke satu tempat yang lain.
- xi. Pelajar tidak dibenarkan bergurau dan berjalan di dalam bengkel tanpa sebarang tujuan.
- xii. Dilarang mengusik sebarang suis sesuka hati.
- xiii. Jika berlaku kerosakan kepada alat-alat atau perkakas-perkakas, meja, lantai dan sebagainya hendaklah dilaporkan kepada guru dengan segera. Jangan biarkan atau tinggalkan alat yang rosak itu di atas meja dan di mana-mana tanpa memberitahu guru.
- xiv. Patuhi segala arahan dan peraturan bengkel.
- xv. Jangan bawa keluar sebarang peralatan daripada bengkel tanpa kebenaran.
- xvi. Bengkel hendaklah sentiasa dalam keadaan bersih dan kemas sebelum ditinggalkan.

Peringatan :

*Jika terdapat sesuatu kerosakan atau kemalangan di dalam bengkel kerana kesalahan dan kecuaiannya pelajar itu sendiri atau pelajar-pelajar lain kerana melanggar peraturan di atas, guru-guru atau pihak berkuasa **tidak bertanggungjawab**. Pelajar-pelajar sentiasa takluk kepada arahan-arahan dan peraturan bengkel yang telah disediakan semasa berada dalam bengkel.*

7. MAKMAL SAINS

- i. Makmal ialah kawasan bilik larangan. Masuk hanya setelah mendapat kebenaran daripada guru sahaja.
- ii. Pelajar-pelajar hendaklah beratur dengan tertib di luar makmal sehingga guru datang.
- iii. Pelajar hendaklah masuk ke dalam bengkel dengan senyap dan teratur. Mereka tidak seharusnya berebut-rebut untuk mendapatkan tempat duduk.
- iv. Dilarang menyentuh, mengusik dan mengubah bahan/alatan yang sedia ada tanpa arahan guru.
- v. Jangan jalankan uji kaji tanpa pengawasan guru.
- vi. Dilarang bermain/ berbising di dalam makmal.

- vii. Pastikan alat radas selamat untuk digunakan.
- viii. Patuhi segala peraturan dan larangan yang ditetapkan didalam makmal.
- ix. Bilik makmal mestilah sentiasa dalam keadaan bersih dan kemas, perkakas di dalam makmal mestilah sentiasa berada di tempat yang ditentukan. Semua peralatan dan bahan sains mestilah dikembalikan ke tempat asal setelah digunakan.
- x. Cuci tangan dengan sabun selepas amali.
- xi. Pastikan semua suis elektrik ditutup sebelum meninggalkan makmal.
- xii. Jika berlaku sesuatu kemalangan seperti luka, terkena api atau asid, hendaklah dilaporkan kepada guru dengan segera,
- xiii. Beg pelajar diletakkan di luar makmal. Tiada satu barang pun boleh dibawa keluar dari makmal.
- xiv. Kerosakan seperti paip bocor, dawai elektrik terputus dan suisnya pecah juga hendaklah dilaporkan kepada guru dengan segera.
- xv. Jika kulit terkena asid atau alkali, bahagian terkena itu hendaklah dibasuh dengan menggunakan air.
- xvi. Benda-benda pepejal janganlah ditinggalkan di dalam tangki pembasuh untuk mengelakkan tangki tersumbat atau tindakan kimia dan lain-lain.

Peringatan :

*Jika terdapat sesuatu kerosakan atau kemalangan di dalam bengkel kerana kesalahan dan kecuaiian pelajar itu sendiri atau pelajar-pelajar lain kerana melanggar peraturan di atas, guru-guru atau pihak berkuasa **tidak bertanggungjawab**. Pelajar-pelajar sentiasa takluk kepada arahan–arahan dan peraturan makmal yang telah disediakan semasa berada dalam makmal.*

8. MAKMAL KOMPUTER

- i. Makmal Komputer ialah kawasan bilik larangan. Masuk hanya setelah mendapat mendapat kebenaran daripada guru sahaja.
- ii. Pelajar-pelajar hendaklah beratur dengan tertib di luar makmal sehingga guru datang.
- iii. Pelajar hendaklah masuk ke dalam makmal dengan senyap dan teratur. Mereka tidak seharusnya berebut-rebut untuk mendapatkan tempat duduk.
- iv. Dilarang menyentuh, mengusik dan mengubah bahan/alatan yang sedia ada tanpa arahan guru.

- v. Tidak dibenarkan membawa makanan/minuman.
- vi. Dilarang memasang dan memadam suis sesuka hati.
- vii. Dilarang menambah dan menghapuskan 'software' di dalam komputer.
- viii. Semua 'Hardisc' atau 'pendrive' mestilah discan terlebih dahulu.
- ix. Maklumkan sebarang kerosakan kepada guru.
- x. Ikuti segala peraturan dan arahan guru.

9. SURAU / BILIK AGAMA

- i. Surau ialah kawasan bilik larangan. Masuk hanya setelah mendapat kebenaran daripada guru sahaja.
- ii. Pelajar-pelajar hendaklah beratur dengan tertib di luar surau sehingga guru datang.
- iii. Pelajar hendaklah masuk ke dalam surau dengan senyap dan teratur. Mereka tidak seharusnya berebut-rebut untuk mendapatkan tempat duduk.
- iv. Dilarang menyentuh, mengusik dan mengubah bahan/alatan yang sedia ada tanpa arahan guru.
- v. Tidak dibenarkan membawa makanan/minuman.
- vi. Dilarang bermain/ berbising di dalam surau.
- vii. Patuhi segala peraturan dan larangan yang ditetapkan didalam surau.
- viii. Surau mestilah sentiasa dalam keadaan bersih dan kemas, sejadah dan rehal mestilah sentiasa berada di tempat yang ditentukan. Semua peralatan dan bahan bacaan yang lain mestilah dikembalikan ke tempat asal setelah digunakan.
- ix. Pastikan semua suis elektrik ditutup sebelum meninggalkan surau.

10. KANTIN

- i. Pelajar hanya dibenarkan berada di kantin sekolah pada waktu rehat, waktu sebelum P&P sesi petang dan selepas P&P sesi Pagi.
- ii. Tempat makan yagn dibenarkan hanya di kantin sekolah sahaja.
- iii. Pelajar dikehendaki beratur dengan tertib semasa membeli makanan/ minuman ikuti arahan guru atau pengawas yang bertugas.

- iv. Pelajar tidak dibenarkan membawa bungkus makanan atau sebarang air berbungkus masuk ke kelas.
- v. Pelajar perlu menyediakan botol air sendiri.
- vi. Basuh tangan sebelum dan selepas makan.
- vii. Duduk ketika makan dan minum.
- viii. Makan dengan sopan dan tertib.
- ix. Jangan berlari, bergurau dan bermain di kantin.
- x. Jangan tinggalkan sebarang pembalut/ pembungkus dan sisa makan di atas meja atau lantai.
- xi. Masukkan pembalut/ pembungkus atau sisa makanan ke dalam tong sampah yang disediakan.
- xii. Pelajar-pelajar dilarang masuk ke dalam dapur kantin.
- xiii. Pelajar dilarang berada di kantin pada waktu pengajaran dan pembelajaran, kecuali dengan kebenaran pengetua atau bersama guru kerana urusan yang dibenarkan.
- xiv. Jika berlaku cirit-birit dan muntah-muntah, laporkan kepada guru. Adukan sebarang masalah kepada guru.
- xv. Pihak sekolah tidak bertanggungjawab jika pelajar mengalami keracunan makanan kerana membeli makanan dari pihak luar.

11. KOPERASI

- i. Semua pelajar wajib menjadi ahli koperasi.
- ii. Pelajar tidak dibenarkan membeli barang-barang keperluan sewaktu kelas sedang dijalankan. Pelajar hendaklah membeli barang-barang keperluan sebelum waktu persekolahan bermula atau pada waktu rehat.
- iii. Sila beratur dan senyap ketika berurusan dengan koperasi.

12. BILIK SUKAN

- i. Bilik sukan ialah kawasan larangan.
- ii. Pelajar dilarang masuk ke bilik sukan kecuali dengan kebenaran guru.
- iii. Pelajar tidak dibenarkan mengambil/ mengeluarkan alatan dari bilik sukan tanpa kebenaran guru.

13. BILIK BUKU TEKS(SPBT)

- i. Pelajar dilarang memasuki bilik SPBT tanpa kebenaran guru.
- ii. Buku teks ialah harta sekolah/ kerajaan.
- iii. Pelajar yang diberi pinjaman hendaklah bersyukur/ berterima kasih kerana mendapat kemudahan ini.
- iv. Keselamatan serta kebersihan buku adalah tanggungjawab pelajar. Sekiranya hilang, pelajar perlu menggantikan balik buku teks yang hilang.
- v. Dilarang menulis atau menconteng di mana-mana bahagian buku teks.
- vi. Kemudahan pinjaman buku teks seseorang pelajar akan ditarik balik pada bila-bila masa jika didapati tidak bertanggungjawab atas keselamatan atau kebersihan buku yang dipinjam tersebut.
- vii. Buku mesti dibalut dengan plastik.

14. TELEFON AWAM

- i. Penggunaan kemudahan telefon awam hanya dibenarkan pada waktu rehat atau sebelum dan selepas waktu persekolahan.
- ii. Sekiranya berlaku kecemasan atau keperluan mendesak, penggunaan kemudahan telefon awam pada waktu pembelajaran hendaklah dengan kebenaran guru.
- iii. Pelajar perlu menggunakan telefon awam dengan berhemah. Sila laporkan sebarang kerosakkan kepada pihak sekolah.

15. HARTA BENDA SEKOLAH

- i. Semua pelajar hendaklah menggunakan semua kemudahan yang disediakan dengan baik dan cermat dengan menjaga harta benda sekolah baik di dalam kelas mahupun di kawasan persekitaran sekolah supaya sentiasa dalam keadaan baik dan berfungsi.
- ii. Sebarang kerosakkan harta benda sekolah hendaklah dilaporkan kepada guru yang bertanggungjawab.
- iii. Perbuatan berunsur ‘vandalisme’ yang merosakkan harta benda sekolah atau mencacatkan keceriaan sekolah amat dilarang. Perbuatan ini termasuklah merosakkan perabot (kerusi, meja, almari dan sebagainya), papan kenyataan, peralatan bekalan elektrik dan air atau menconteng dinding dan sebagainya.
- iv. Pelajar yang didapati melakukan perbuatan ‘vandalisme’ dan merosakkan harta benda sekolah akan dikenakan tindakan disiplin yang berat, termasuk menggantikan kos harta benda yang dirosakkan itu sepenuhnya.

BAHAGIAN F

KESELAMATAN PELAJAR / SEKOLAH, KAWASAN LARANGAN DAN PENGGUNAAN KENDERAAN DI DALAM KAWASAN SEKOLAH

1. KESELAMATAN PELAJAR DAN SEKOLAH

a. Keselamatan Di Bangunan Sekolah

- i. Pelajar hendaklah berjalan dalam barisan ketika menaiki atau menuruni tangga atau bukit dan jangan bermain, bergurau atau betolak-tolak semasa menaiki atau menuruni tangga atau bukit
- ii. Jangan bermain, bergurau atau bertolak-tolak berhampiran dengan tangga atau di tebing kaki lima ataupun tebing bukit serta kaki bukit
- iii. Dilarang bermain di tangga dan kawasan bukit
- iv. Dilarang meludah atau membuang sampah.
- v. Laporkan kerosakan seperti keretakan, tingkap pecah dan lain-lain kepada guru kelas atau pihak sekolah.
- vi. Jangan cuba membaiki kerosakan sendiri seperti suis elektrik, cermin tingkap, pintu, kipas dan lain-lain.
- vii. Jika terdapat pencerobohan, laporkan kepada pihak sekolah dengan segera.
- viii. Patuhi arahan guru dari semasa ke semasa.

2. KESELAMATAN PERGI DAN BALIK DARI SEKOLAH

a. Keselamatan Diri Pelajar Yang Menaiki Kenderaan

- i. Memastikan kenderaan yang dinaiki dalam keadaan selamat.
- ii. Mematuhi arahan pihak yang mengawal kenderaan seperti pemandu dan polis.
- iii. Memahami dan mengamalkan peraturan mengenai keselamatan diri dalam perjalanan pergi dan balik dari sekolah.
- iv. Hendaklah sentiasa mengambil langkah keselamatan, sedar dan peka akan kemungkinan berlakunya kemalangan, berjalan dalam kumpulan, menggunakan laluan selamat dan melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran seni pertahanan diri.
- v. Elakkan diri daripada berinteraksi dengan orang yang tidak dikenali. Laporkan perkara yang mencurigakan kepada sekolah.
- vi. Tidak menumpang kenderaan orang yang tidak dikenali.

b. Pelajar Yang Berjalan Kaki

1. Melintas Jalan

- Cari tempat yang selamat dan berdekatan untuk melintas jalan.
- Hendaklah berdiri di atas bahu jalan.
- Undur ke belakang dua langkah apabila melihat kenderaan besar.
- Melihat ke kanan, ke kiri dan ke kanan semula sebelum melintas. Melintas apabila sudah pasti tiada kenderaan.

2. Tempat Selamat Untuk Melintas

- Lintasan pejalan kaki (zebra crossing)
- Jejantas
- Dekat lampu isyarat
- Di tempat yang terdapat anggota polis atau pengawal lalu lintas

3. Berjalan Kaki Di Kawasan Awam

- Gunakan jalan kaki lima yang disediakan
- Berjalan di sebelah kanan jalan raya dan sentiasa memerhatikan kenderaan yang datang dari arah hadapan.
- Jangan sesekali berjalan bergandingan.
- Elakkan diri daripada menyeberang jalan di tempat yang bukan tempat yang dikhaskan.
- Dilarang bermain-main, bergurau senda atau bertolak-tolak di jalan raya.
- Elakkan diri daripada menggunakan jalan yang sibuk atau tidak mematuhi arahan lampu isyarat.

4. Berjalan Kaki Pada Waktu Hujan

- Digalakkan menggunakan baju hujan.
- Jika perlu gunakan payung, pegang dengan cara yang betul supaya tidak menghalang pandangan depan dan gunakan payung yang berwarna cerah.
- Berjalan dengan cermat terutamanya di tempat yang licin.
- Berteduh di tempat yang selamat seperti pondok menunggu bas atau bangunan, jangan berteduh di bawah pokok.
- Jangan bermain-main di dalam hujan.

5. Berjalan Ditempat Yang Sunyi

- Berjalan dalam kumpulan sekurang-kurangnya 2 orang.
- Sekiranya berlaku kecemasan, jangan panik, menjerit meminta tolong atau cuba mempertahankan diri/ lari menyelamatkan diri.
- Laporkan kejadian kepada ibu bapa/ guru/ polis untuk tindakan selanjutnya.

3. KESELAMATAN DI PADANG DAN GELANGGANG

- i. Pelajar hanya dibenarkan menggunakan kemudahan gelanggang atau padang di bawah pengawasan guru.
- ii. Hendaklah dipakai ketika mengadakan kegiatan di gelanggang atau padang.
- iii. Keselamatan ketika berada di gelanggang atau padang hendaklah diutamakan. Elakkan perbuatan atau kegiatan yang mendatangkan bahaya kepada keselamatan diri sendiri atau pelajar lain.
- iv. Pelajar dilarang menggunakan gelanggang atau padang ketika cuaca buruk dan hujan.
- v. Kegunaan gelanggang atau padang pada masa bukan waktu persekolahan dilarang sama sekali, kecuali setelah mendapat kebenaran pihak sekolah dan dengan pengawasan guru.

4. KAWASAN LARANGAN

- i. Pejabat umum sekolah, Bilik Pengetua, Bilik Penolong Kanan, Bilik Guru Kanan Mata Pelajaran, Bilik Guru dan Bilik Pekerja ialah kawasan larangan pelajar.
- ii. Pelajar dilarang masuk ke makmal Sains, bengkel, bilik cetak, bilik rawatan, bilik mesyuarat dan stor sukan, bilik khas tanpa kebenaran guru.
- iii. Tempat-tempat lain yang dimaklumkan dari semasa ke semasa. Pelajar-pelajar dilarang memasuki atau berkeliaran berhampiran dengan kawawsan yang tersebut.
- iv. Pelajar hanya dibenarkan masuk ke tempat-tempat tersebut apabila diminta berbuat demikian oleh guru atau apabila ada urusan rasmi dan hendaklah masuk dengan tertib.

BAHAGIAN G

MATA BONUS BERDASARKAN SUMBANGAN

Semua guru boleh memberikan mata bonus mengikut jenis sumbangan yang diberikan kepada sekolah. Bonus yang diberikan berdasarkan kepada penglibatan pelajar dalam akademik / disiplin dan sahsiah / jawatan dalam sekolah/ jawatan dalam kokurikulum / penglibatan dlm kokurikulum / penglibatan dlm kerohanian/ penglibatan dalam kebajikan /penglibatan ibu bapa/penjaga / dan lain-lain.

1. AKADEMIK

NO.	SUMBANGAN
1	Mendapat pengiktirafan/anugerah daripada pihak kecemerlangan dalam luar kerana bidang akademik
2	Mendapat A dalam semua mata pelajaran
3	Mendapat A dalam sebahagian (separuh) mata pelajaran
4	Terbaik dalam tingkatan
5	Terbaik dalam kelas
6	Menghasilkan kerja/folio yang bermutu
7	Terbaik dalam mata pelajaran
8	Lulus semua mata pelajaran dalam setiap ujian/ peperiksaan
9	Menunjukkan peningkatan dalam akademik

2. DISIPLIN DAN SAKHSIAH

NO.	SUMBANGAN
1	Membantu pihak sekolah menangani masalah disiplin
2	Rekod disiplin bersih sepanjang tahun
3	Rekod kehadiran bersih sepanjang tahun
4	Sentiasa berpakaian kemas sepanjang masa

5	Berbudi bahasa dan bersopan santun sepanjang masa
6	Menunjukkan peningkatan dalam disiplin/sakhsiah

3. JAWATAN DALAM SEKOLAH

NO.	SUMBANGAN
1	Ketua Pelajar
2	Penolong Ketua Pelajar
3	Setiausaha/Bendahari/Naib Setiausaha/Naib Bendahari
4	Pengerusi Lajnah/Naib Pengerusi
5	Pengawas Biasa
6	Ketua Tingkatan
7	Penolong Ketua Tingkatan
8	AJK Khas sekolah (AJK Kebersihan, Makanan dll)

4. JAWATAN DALAM KOKURIKULUM

NO.	SUMBANGAN
1	Ketua/Pengerusi Persatuan/Kelab/Badan/Rumah
2	Penolong/Naib Pengerusi
3	Setiausaha/Bendahari
4	Penolong/Naib Setiausaha/Bendahari
5	AJK Kecil/Ketua Biro/Bahagian
6	Ahli Biasa/Ahli Biro yang aktif

5. PENGLIBATAN DALAM KOKURIKULUM

NO.	SUMBANGAN
1	Mendapat pengiktirafan/anugerah daripada pihak kecemerlangan dalam luar kerana bidang kokurikulum
2	Johan peringkat Kebangsaan / Mewakili Negara
3	Johan peringkat Negeri / Mewakili Negeri
4	Johan peringkat Bahagian / Mewakili Bahagian
5	Johan peringkat Daerah/Zon / Mewakili Daerah/Zon
6	Johan peringkat Sekolah / Mewakili Sekolah
7	Mewakili persatuan/kelab/kelas/bilik/rumah
8	Kehadiran dalam kokurikulum bersih sepanjang tahun

6. PENGLIBATAN DALAM KEROHANIAN

NO.	SUMBANGAN
1	Hafaz 5 juzuk Al-Qur'an dan ke atas dengan lancar
2	Hafaz 3 juzuk Al-Qur'an dan ke atas dengan lancar
3	Hafaz surah Yasin dengan lancar
4	Hafaz surah As-Sajadah, Al-Mulk, Al-Jumu'ah, Al-Insan dan Al-Waqi'ah dengan lancar
5	Dapat melaksanakan solat jenazah serta doanya
6	Hafaz tahlil serta doanya dengan lancar
7	Menjadi imam dalam solat lima waktu sekurang-kurangnya 10 kali dalam setahun
8	Membaca khutbah Jumaat sekurang-kurangnya 3 kali dalam setahun
9	Menjadi bilal (azan) dalam solat Jumaat sekurang-kurangnya 5 kali dalam setahun
10	Menjadi bilal (azan) dalam solat 5 waktu sekurang-kurangnya 10 kali dalam setahun
11	Qiyamullail sekurang-kurangnya 1 kali sebulan
12	Berpuasa sunat sekurang-kurangnya 4 kali sebulan
13	Hafaz semua ayat hafazan dalam sukatan pelajaran mengikut tingkatan masing-masing dan ke bawah
14	Hafaz ayat-ayat lazim dengan lancar
15	Hafaz wirid selepas solat serta doanya dengan lancar
16	Memberi tazkirah sekurang-kurangnya 5 kali setahun
17	Menjadi naqib/naqibah usrah

7. PENGLIBATAN IBU BAPA/PENJAGA

NO.	SUMBANGAN
1	Ibu bapa/penjaga kerap hadir dalam aktiviti sekolah dan selalu memberi sumbangan kepada sekolah
2	Ibu bapa/penjaga memberi sumbangan/amal jariah kepada sekolah
3	Ibu bapa/penjaga hadir/terlibat dalam aktiviti sekolah

8. PENGLIBATAN DALAM KEBAJIKAN

NO.	SUMBANGAN
1	Menguruskan majlis rasmi sekolah dengan sempurna
2	Menghasilkan satu projek khas untuk sekolah
3	Melaksanakan kerja-kerja amal dengan sukarela
4	Melaksanakan kerja-kerja kebersihan dan keceriaan
5	Aktif/terlibat secara langsung dengan kerja amal/khidmat masyarakat di luar kawasan sekolah
6	Menyertai majlis ilmu di luar kawasan sekolah
7	Berbudi bahasa dan bersopan santun ketika berurusan dengan orang luar/pelawat
8	Membantu guru/pelawat/pelajar lain dengan ikhlas

9. LAIN-LAIN

NO.	SUMBANGAN
1	Memberi sumbangan kepada sekolah dan masyarakat seperti yang tidak dinyatakan di dalam perkara-perkara lain di atas.

BAHAGIAN H

JENIS TINDAKAN DISIPLIN DAN KATEGORI SALAH LAKU PELAJAR

1. TINDAKAN DISIPLIN

a. Jenis tindakan disiplin adalah seperti berikut :

- Nasihat atau sesi kaunseling.
- Amaran lisan
- Amaran bertulis (dengan catatan dalam kad rekod disiplin)
- Rampas (bagi barangan larangan)
- Denda
- Amaran dan denda
- Rotan
- Amaran dan rotan
- Perjanjian bertulis
- Penggantungan sekolah

b. Bagi kesalahan-kesalahan tertentu, jenis tindakan yang dikenakan adalah mengikut keperluan dan kesesuaian dengan peruntukkan peraturan sekolah ini.

- Pembuangan sekolah.
- Dirampas dan / didenda (bagi barang larangan dan kesalahan ringan yang lain.)
- Digunting rambut bagi kesalahan berambut panjang atau tidak kemas.
- Diarahkan balik serts-merta (bagi kesalahan penampilan dan kekemasan diri.)
- Menggantikan kos barang atau harta benda yang dirosakkan (bagi kesalahan “vandalism” atau merosakkan harta benda awam, sekolah, guru atau pelajar lain).
- Bagi pelajar yang melakukan kesalahan disiplin yang agak serius, berat dan berulang-ulang, ibu bapa/ penjaga akan diminta hadir ke sekolah untuk sesi perbincangan dengan pihak sekolah, memaklumkan tindakan yang akan dikenakan dan mendapat jaminan bertulis terhadap perubahan tingkah laku anak/jagaan mereka.

- Pelajar yang menjalani hukuman gantung sekolah tidak dibenarkan berada di dalam kawasan sekolah sepanjang tempoh penggantungan. Kegagalan mematuhi hukuman ini akan menyebabkan pelajar dikenakan tindakan buang sekolah.
- Keputusan tindakan disiplin pihak sekolah adalah muktamad. Walau bagaimanapun, rayuan terhadap sesuatu keputusan boleh dibuat melalui/ kepada Pengetua untuk pertimbangan selanjutnya.

2. JENIS-JENIS SALAH LAKU

- i. BERAT KATEGORI A (JENAYAH)
- ii. BERAT KATEGORI B (TINGKAH LAKU LUCAH)
- iii. BERAT KATEGORI C (TINGKAH LAKU KURANG SOPAN DAN BIADAP)
- iv. BERAT KATEGORI D (GEJALA LAKU MUSNAH)
- v. SEDERHANA KATEGORI A (TINGKAHLAKU TIDAK JUJUR ATAU PENIPUAN)
- vi. SEDERHANA KATEGORI B (GEJALA PONTENG)
- vii. SEDERHANA KATEGORI C (TINGKAHLAKU TIDAK MENEPATI MASA)
- viii. RINGAN KATEGORI A (KEKEMASAN DIRI)
- ix. RINGAN KATEGORI B (KELAKUAN AM)

3. DAFTAR TINDAKAN KES-KES DISIPLIN

i. KESALAHAN BERAT

a. Kesalahan Berat Kategori A (tingkah Laku Jenayah)

JENIS KESALAHAN	KEKERAPAN	TINDAKAN
1. Pergaduhan, melawan, mengancam, Memukul, mencederakan pelajar lain/pengawas/guru/staf sekolah/orang awam 2. Menganggotai kumpulan haram/ kongsi gelap atau kumpulan sulit atau antisosial atau menyertai mereka 3. Merompak/ mencuri / memeras ugut pelajar lain/ pengawas/ guru/ staf sekolah/ orang awam 4. Memperkosa/ merogol pelajar/pengawas/guru/staf sekolah/ orang awam 5. Melakukan buli(pelancoan), penderaan atau paksaan terhadap murid lain. 6. Memecah masuk/ menceroboh bilik khas/kantin/koperasi/pejabat dan lain-lain tanpa kebenaran	Kali pertama	1. Kaunseling 2. Surat amaran pertama(gantng sekolah sehingga ibubapa/penjaga datang) 3. Tandatangan surat akujanji 4. Rotan 5. Gantung sekolah terus (1 minggu) 6. Bantuan polis
7. Penyalahgunaan dadah/ pil/gam atau bahan lain untuk tujuan berkhayal 8. Membawa/menyimpan/ mengedarkan/ menjual/memberi dadah/ pil/ gam/ bahan lain untuk tujuan berkhayal 9. Membawa/menyimpan/ mengedarkan/ menjual/memberi/minum minuman keras 10. Melakukan tunjuk perasaan/ berpiket/ mengganggu ketenteraman awam/ membawa	Kali kedua	1. Kaunseling 2. Surat amaran kedua (gantung sekolah sehingga ibubapa/penjaga datang) 3. Tandatangan surat akujanji 4. Rotan 5. Gantung sekolah terus (2 minggu) 6. Bantuan polis

mercun/ membawa orang luar masuk sekolah tanpa kebenaran rasmi. 11. Membawa/menyimpan/ mengedarkan/ menjual/memberi/menggunakan bahan letupan. 12. Membawa atau menyimpan atau menggunakan alat atau bahan yang boleh mencederakan atau senjata berbahaya. 13. Membawa, menyimpan, mempamerkan, mengedar, menerbitkan, atau mencetak bahan bercetak, termasuk rencana, majalah, gambar pita rakaman atau bahan multimedia yang berunsur perkauman atau politik yang dilarang oleh pihak sekolah atau pihak kerajaan. 14. Berjudi/ pertaruhan secara besar-besaran atau kecil-kecilan yang melibatkan wang. 15. Menggunakan nama sekolah di media massa tanpa kebenaran sekolah. 16. Memuat naik gambar/maklumat dalam media sosial dengan tujuan menfitnah dan mengaibkan sekolah/warga sekolah dan orang awam. 17. Menulis atau mengeluarkan kenyataan akhbar atau memberikan maklumat kepada media percetakan atau penyiaran tanpa kebenaran sekolah 18. Perbuatan jenayah lain yang ditakrifkan sebagai bahaya seperti kesalahan berat oleh Lembaga Disiplin Sekolah.	Kali ketiga	1. Kaunseling 2. Surat amaran terakhir (gantung sekolah sehingga ibubapa/penjaga datang) 3. Rotan 4. Buang sekolah 5. Bantuan polis
---	--------------------	---

b. Kesalahan Berat Kategori B (Tingkah Laku Lucah)

JENIS KESALAHAN	KEKERAPAN	TINDAKAN
1. Melakukan hubungan sulit dikawasan sekolah. 2. Bercumbu-cumbuan di kawasan sekolah 3. Berkhalwat/berdua-duaan di kawasan sekolah 4. Melakukan perbuatan tidak bermoral atau kegiatan seks (melacur, bersekedudukan, zina, liwat, hubungan luar tabii, menjadi bohsia atau bohjan). 5. Mencabul kehormatan 6. Mengintai/mengendap pelajar perempuan 7. Membawa, menyimpam, mempamerkan, mengedar, menerbitkan, atau mencetak bahan bercetak, termasuk rencana, majalah, gambar pita rakaman atau bahan multimedia yang berunsur lucah. 8. Menggunakan perbuatan/perkataan/isyarat lucah 9. Melukis/menulis/melakar kata-kata lucah dan gambar lucah 10. Melakukan gangguan seks kepada pelajar/pengawas/ guru/staf sekolah/orang awam 11. Perbuatan lain yang ditakrifkan sebagai tingkah laku lucah seperti kesalahan berat oleh Lembaga Disiplin Sekolah.	Kali pertama	1. Kaunseling 2. Amaran pertama 3. Panggil ibubapa 4. Gantung sekolah (satu minggu) 5. Rotan 6. Tandatangan surat akujanji 7. Bantuan polis
	Kali kedua	1. Kaunseling 2. Surat amaran kedua 3. Panggil ibubapa 4. gantung sekolah (dua minggu) 5. rotan 6. Tandatangan surat akujanji 7. bantuan polis
	Kali ketiga	1. Kaunseling 2. Surat amaran terakhir 3. Panggil ibubapa 4. Gantung sekolah (tiga minggu) 5. Rotan 6. Buang sekolah 7. Bantuan polis
1. Pelajar disahkan mengandung	Kali pertama	1. Pengetua/PK/ Lembaga disiplin akan putuskan 2. Kaunseling 3. Panggil ibubapa/penjaga

c. Kesalahan Berat Kategori C (Tingkah Laku Kurang Sopan Atau Biadap)

JENIS KESALAHAN	KEKERAPAN	TINDAKAN
1. Membawa/menyimpan/ mengedarkan/ menjual/memberi/menghisap rokok/vape/rokok elektronik 2. Membawa/menyimpan/ mengedarkan/ menjual/memberi pemetik api/perisa rokok elektronik 3. Menganjur atau membabitkan diri dalam acara kebudayaan yang bertentangan dengan nilai-nilai masyarakat Malaysia. 4. Menganjurkan atau membabitkan diri dalam acara kebudayaan tanpa kebenaran pihak sekolah, PPD, Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak dan Kementerian Pendidikan Malaysia. 5. Berkelakuan kasar terhadap pelajar/pengawas/guru/staf sekolah/ orang awam 6. Ingkar arahan pengetua/GK/guru/pengawas 7. Menganggu atau menjejaskan kuasa pengetua atau guru-guru lain yang sedang menjalankan tugas rasminya. 8. Tidak menghormati pelajar/pengaws/guru/staf sekolah/orang awam 9. Menggunakan bahasa yang kesat kepada pelajar/pengawas/guru/staf sekolah/orang awam 10. Menunjukkan perlakuan yang mengganggu kelancaran perjalanan ujian/ peperiksaan . 11. Memasuki atau tidak mematuhi arahan didalam makmal/bengkel/bilik khas/ 12. Berkelakuan sombong atau tidak sopan semasa didalam atau diluar sekolah sehingga nama baik sekolah tercemar 13. Membuang air kencing/ najis sembarangan di Kawasan sekolah 14. Ponteng sekolah dengan niat dan dirancang 15. Perbuatan lain yang ditakrifkan sebagai tingkah laku biadap seperti kesalahan berat oleh Lembaga Disiplin Sekolah.	Kali pertama	1. Kaunseling 2. Amaran keras 3. Surat amaran pertama 4. Kerja amal (2 hari) 5. Rotan 1 kali
	Kali kedua	1. Kaunseling 2. Surat amaran kedua (gantung sekolah sehingga ibubapa/penjaga datang) 3. Rotan 2 kali 4. Gantung sekolah terus (2 minggu) 5. Tandatangan surat akujanji
	Kali ketiga	1. Kaunseling 2. Surat amaran terakhir (gantung sekolah sehingga ibubapa/penjaga datang) 3. Rotan 3 kali 4. Gantung sekolah (2 minggu) 5. Tandatangan surat akujanji

d. Kesalahan Berat Kategori D (Gejala laku Musnah)

JENIS KESALAHAN	KEKERAPAN	TINDAKAN
1. Merosak harta benda sekolah, menconteng dinding/perabot sekolah, merosakkan tanaman/tumbuhan sekolah. 2. Merosakkan harta benda pengetua/guru/staf sekolah/pelajar yang lain. 3. Merosakkan harta benda kantin sekolah 4. Merosakkan harta benda didalam bengkel/makmal/bilik khas dan lain-lain. 5. Tidak bertanggungjawab semasa menggunakan harta benda sekolah/ awam 6. Perbuatan lain yang ditakrifkan sebagai tingkahlaku musnah 7. seperti kesalahan berat oleh Lembaga Disiplin Sekolah.	Kali pertama	1. 2. Kaunseling 3. Amaran keras Surat amaran pertama 4. pertama Kerja amal 5. (2 hari) 6. Rotan 1 kali Bayaran denda
	Kali kedua	1. 2. 3. Kaunseling Surat amaran kedua 4. 5. Panggil ibubapa/penjaga Rotan 2 kali Gantung sekolah terus 6. (satu minggu) Tandatangan surat akujanji 7. Bayaran denda dua kali ganda
	Kali ketiga	1. Kaunseling Surat 2. amaran terakhir (gantung sekolah sehingga ibubapa/penjaga datang) 3. Rotan 3 kali 4. Gantung sekolah terus (2 minggu) 5. Tandatangan surat akujanji 6. Bayaran denda dua kali ganda

ii. KESALAHAN SEDERHANA

a. Kesalahan Sederhana Kategori A (Tingkah Laku Tidak Jujur / Penipuan)

JENIS KESALAHAN	KEKERAPAN	TINDAKAN
1. Menipu melibatkan wang 2. Menipu melibatkan kepercayaan, berbohong, pada warga sekolah ,meniru dalam peperiksaan, mengubah markah dan maklumat, meniru tandatangan orang lain. 3. Perbuatan lain yang ditakrifkan sebagai menipu seperti kesalahan sederhana oleh Lembaga Disiplin Sekolah.	Kali pertama	1. Kaunseling 2. Amaran keras Surat 3. amaran pertama 4. Kerja amal (2 hari) 5. Rotan 1 kali
	Kali kedua	1. 2. Kaunseling Surat amaran kedua 3. Panggil ibubapa/penjaga Rotan 4. 2 kali Gantung sekolah 5. terus (satu minggu) 6. Tandatangan surat akujanji
	Kali ketiga	1. Kaunseling Surat 2. amaran terakhir (gantung sekolah sehingga ibubapa/penjaga datang) Rotan 3 kali 3. kali 4. Gantung sekolah terus (2 minggu) 7. Tandatangan surat akujanji

b. Kesalahan Sederhana Kategori B (Gejala Ponteng)

JENIS KESALAHAN	KEKERAPAN	TINDAKAN
1. Ponteng sekolah/ kelas 2. Ponteng kelas luar sidang/Kelas tambahan 3. Ponteng perhimpunan 4. Ponteng Ujian / peperiksaan 5. Ponteng kegiatan sekolah/ kokurikulum, aktiviti sekolah 6. Perbuatan lain yang ditakrifkan sebagai ponteng seperti kesalahan sederhana oleh Lembaga Disiplin Sekolah	Kali pertama	1. Amaran keras
	Kali kedua	1. 2. Kaunseling Tandatangan surat akujanji 3. Kerja amal (satu hari) 4. Rotan 1 kali
	Kali ketiga	1. Kaunseling Surat amaran pertama Panggil ibubapa 2. Tandatangan surat akujanji 3. 4. 5. Kerja amal (2 hari) 6. Rotan 2 kali

c. Kesalahan Sederhana Kategori C (Tingkah Laku Tidak Menepati Masa)

	JENIS KESALAHAN	KEKERAPAN	TINDAKAN
1.	Tidak menepati masa/ datang lewat 3. Keluar kelas tanpa kebenaran Keluar kawasan sekolah tanpa kebenaran pada waktu rehat Berada dikantin pada waktu P&P kecuali rehat waktu rehat tanpa kebenaran guru Masuk ke kelas lain tanpa kebenaran	Kali pertama	1. Amaran keras
2.		Kali kedua	1. Amaran kedua 2. Tandatangan surat akujanji 3. Kerja amal (satu hari) 4. Rotan 1 kali
3.			
4.			
5.			

		Kali ketiga	1. Kaunseling 2. Surat amaran pertama 3. Tandatangan surat akujanji 4. Kerja amal (2 hari) 5. Rotan 2 kali
--	--	-------------	--

iii. KESALAHAN RINGAN

a. Kesalahan Ringan (Kekemasan Diri)

JENIS KESALAHAN	KEKERAPAN	TINDAKAN
1. Berpakaian tidak mengikuti peraturan sekolah yang telah ditetapkan. 2. Tidak memakai kasut sekolah tanpa sebab yang munasabah 3. Tidak memakai lencana/tag nama/tali leher 4. Sengaja tidak mengenakan butang/ meletakkan baju diluar sama ada baju sekolah atau baju PJK 5. Memakai songkok melebihi 4cm atau memakai kopiah atau ketayap 6. Kuku panjang/inai 7. Fesyen rambut keterlaluan/botak licin 8. Memakai barang perhiasan kemas (kecuali tujuan keagamaan yang saiznya tidak melebihi diameter 3mm) 9. Stokin berwarna/bercorak/pendek bawah buku lali) 10. Ketidaksempurnaan dalam memakai baju kurung atau pinafore (bagi pelajar perempuan 11. Tidak memakai pakaian dalam/ pakaian dalam selain daripada berwarna cerah 12. Memakai tudung yang tidak menepati peraturan yang ditetapkan 13. Memakai peralatan solek 14. Memakai kanta mata (contact lens)	Kali Pertama	Amaran keras
	Kali kedua	1. Amaran keras 2. Kerja amal satu hari
	Kali ketiga	1. Kaunseling 2. Tandatangan surat akujanji 3. Kerja amal dua hari 4. Rotan 1 kali ○ Kuku panjang dipotong terus ○ Songkok @ barang kemas dirampas

Menyimpan misai, janggut atau jambang serta side burn 1. Rambut panjang (pelajar lelaki) 2. Tidak mengikat rambut yang panjang 3. melebihi paras baru (pelajar perempuan)	Kali Pertama	1. Amaran keras
	Kali kedua	1. Amaran keras 2. Misai/janggut/ rambut dipotong 3. Kerja amal 1 hari
	Kali ketiga	1. Kaunseling 2. Misai/janggut/ rambut dipotong Rotan 1 kali 3. 4. Kerja amal 2 hari 5. Tandatangan surat akujanji
Mewarna rambut	Kali Pertama	1. 2. Amaran keras Tanda tangan surat akujanji 3. Digantung sekolah sehingga warna rambut kembali kewarna asal
	Kali kedua	1. Kaunseling Digantung 2. sekolah sehingga warna rambut kembali ke warna asal 3. Rotan 1 kali 4. Tandatangan surat akujanji
	Kali ketiga	1. Kaunseling Digantung 2. sekolah sehingga 3. warna rambut kemabli ke warna asal Rotan 2 kali Tandatangan surat akujanji 4.

Seluar ketat / keterlaluan fesyen	Kali Pertama	1. Amaran keras
	Kali kedua	1.Amaran keras 2.Seluar dibuka jahitan terus / memakai kain sarung
	Kali ketiga	1.Kaunseling 2.Seluar dibuka jahitan terus/ memakai kain sarung 3.rotan 1 kali

b. Kesalahan Ringan (Kelakuan AM)

JENIS KESALAHAN	KEKERAPAN	MATA DEMERIT	TINDAKAN
1. Menggunakan dan membawa keluar sebarang peralatan bilik kelas dan sekolah tanpa kebenaran. 2. Menyimpan atau menggunakan alat permainan kepunyaan sekolah tanpa kebenaran. 3. Menggunakan alat hiburan atau elektronik sekolah tanpa kebenaran. 4. Melakukan pembaziran air/elektrik 5. Tidak menghargai, tidak menjaga/cuai terhadap pinjaman buku teks 6. Kesalahan-kesalahan lain yang difikirkan termasuk dalam kategori ini. 7. Surat cinta 8. Sikap lalai dan cuai terhadap matapelajaran 9. Mengganggu P&P dalam kelas/membuat bising 10. Membuat bising/ mengganggu ketenteraman kelas 11. Membuang sampah merata-rata 12. Mengotori bangunan, jalan raya atau tempat lain dikawasan sekolah 13. Tidak membawa bahan P&P 14. Makan atau minum didalam kelas/bengkel/makmal/bilik-bilik khas 15. Meludah merata-rata 16. Tidak membuat/menyiapkan kerja rumah 17. Tidur didalam kelas 18. Bermain didalam kelas 19. Tidak mahu membuat latihan yang diberikan didalam kelas 20. Menukar tempat duduk 21. Menconteng papan tulis 22. Tidak menjalankan tugas kebersihan 23. Berkumpul di koridor semasa pertukaran waktu kelas 24. Membuang air sembarangan 25. Membuat kerja lain semasa guru mengajar	Kali pertama		Amaran keras
	Kali kedua		Amaran keras 1. Kerja amal 1 hari 2.
	Kali ketiga		1. Kaunseling 2. Tandatangan surat akujanji 3. Kerja amal 2 hari 4. Rotan 1 kali
Bagi kes-kes yang tidak dinyatakan akan dibincangkan melalui lembaga disiplin/PK/pengetua Kesalahan ringan yang diulang SEBANYAK 3 KALI akan dikira sebagai kesalahan SEDERHANA Kesalahan sederhana yang diulang sebanyak 3 kali akan dikira sebagai kesalahan BERAT			

BAHAGIAN I

BARANGAN LARANGAN

Barangan yang dilarang dibawa ke sekolah ialah :

- i. Rokok, ganja, dadah, pemetik api (lighter) dan barang-barang yang sejenis dengannya (kategori berbahaya)-SEKOLAH IALAH KAWASAN LARANGAN MEROKOK
- ii. Segala bentuk jenis rokok elektronik yang menggantikan peranan rokok dan barang-barang yang berkaitan dengannya seperti cecair perisa dan lain-lain yang dikategorikan sebagai bahan rokok elektronik.
- iii. Barang-barang tajam dan berbahaya seperti pisau, gunting dan sebagainya.
- iv. Bahan letupan, mercun, bunga api dan sebagainya (kategori berbahaya).
- v. Sebarang jenis bahan ubat-ubatan sama ada dalam bentuk kapsul, cecair ataupun dengan tujuan dihidu melainkan dengan kebenaran daripada pihak sekolah.
- vi. Barang-barang kemas dan perhiasan seperti rantai emas, rantai tali, cincin, gelang plastik dan sebagainya.
- vii. Sebarang jenis peralatan yang melibatkan kecantikan dan solekan.
- viii. Alat-alat elektronik seperti “game and watch”, radio, kaset, “walkman”, pita video, VCD, CD Rom, permainan video dan sebagainya.
- ix. Bahan-bahan bercetak yang tidak sesuai seperti komik, majalah hiburan, majalah fesyen, buku lirik, poster-poster bintang filem, katalog alat solek, majalah lucah, gambar lucah dan seumpamanya.
- x. Pakaian selain pakaian sekolah kecuali dengan kebenaran Pengetua untuk sesuatu tujuan.
- xi. Foto-foto kegiatan luar selain foto yang berkaitan dengan aktiviti sekolah.
- xii. Semua jenis barangan dengan tujuan untuk dijual kecuali melalui kegiatan persatuan dengan kebenaran Pengetua.
- xiii. “Liquid paper”, “marker pen” dan “gold dust”.
- xiv. Alat-alat permainan seperti daun terup/ berunsur perjudi/ pertandingan (sebarang bentuk alat perjudian).
- xv. barang-barang dan wang yang melebihi had yang diperlukan. Kehilangan harta benda ini adalah tanggungjawab sendiri dan jangan menyalahkan pihak sekolah.
- xvi. Telefon bimbit (Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 2/2009) Penguatkuasaan larangan membawa dan menggunakan telefon bimbit oleh pelajar di kawasan sekolah.

- xvii. Smart watch (jam pintar) yang mempunyai pelbagai fungsi sama ada yang biasa ataupun berjenama.
- xviii. “Chewing gum”, gula-gula dan makanan ringan (junk food).
- xix. Makanan dan minuman yang diharamkan oleh agama dan undang-undang Negara.
- xx. Kamera, perakam video, “Tablet” dan komputer riba.
- xxi. Barang-barang yang ditakrifkan tidak sesuai dibawa oleh pelajar sekolah yang diumumkan dari masa ke masa bergantung kepada keperluan dan keadaan.
- xxii. Walaupun demikian, barang-barang yang berkaitan dengan mata pelajaran Pendidikan Seni, Lukisan Kejuruteraan dan sebagainya dengan kebenaran guru berkenaan adalah dikecualikan.
- xxiii. pelajar perlu mendapatkan surat kebenaran daripada pihak sekolah sekiranya ingin membawa alatan seperti kamera, perakam video dan alat muzik,
- xxiv. pihak sekolah akan memaklumkan barang-barang larangan yang tidak dibenarkan dipakai atau dibawa ke sekolah oleh pelajar dari semasa ke semasa.

BAHAGIAN J

KEGIATAN LUAR DAN HUBUNGAN DENGAN PIHAK LUAR DAN PELAWAT YANG BERURUSAN DENGAN PIHAK SEKOLAH

1. HUBUNGAN DAN KEGIATAN DENGAN PIHAK LUAR

- i. Pelajar-pelajar tidak dibenarkan memasuki atau menjadi anggota sebarang pertubuhan politik atau pertubuhan haram atau kumpulan sulit (antisosial).
- ii. Pelajar dilarang membuat apa-apa hubungan dengan pihak luar (persatuan/ kelab luar) tanpa pengetahuan guru penasihat/ guru tingkatan.
- iii. Pelajar tidak digalakkan menyertai kegiatan kumpulan tertentu di luar sekolah bukan anjuran sekolah tanpa pengetahuan dan kebenaran ibu bapa/ penjaga masing-masing.
- iv. Kebenaran perlu dipohon daripada pengetua jika seseorang pelajar ingin mengambil bahagian dalam sesuatu kegiatan yang tidak dikelolakan oleh pihak sekolah.
- v. Segala urusan kegiatan dengan pihak luar tidak boleh dilakukan di dalam kawasan sekolah tanpa kebenaran pengetua.
- vi. Surat-menyurat untuk kegiatan luar yang dibuat atas urusan rasmi dan dibenarkan oleh pihak sekolah hendaklah dirujukan kepada pengetua.
- vii. Pihak sekolah berhak membuka dan menapis/ memeriksa semua surat pelajar yang dialamatkan ke sekolah.
- viii. Pihak sekolah tidak bertanggungjawab terhadap sebarang risiko kemalangan dan sebagainya akibat penglibatan pelajar dalam kegiatan yang dianjurkan oleh pihak luar.
- ix. Pelajar sekolah lain atau bekas pelajar sekolah ini tidak dibenarkan berada di dalam kawasan sekolah tanpa kebenaran pengetua.
- x. Pelajar perlu mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada pejabat jika hendak menggunakan perkhidmatan telefon untuk menghubungi orang luar.

i.

2. PELAWAT YANG BERURUSAN DENGAN SEKOLAH

Semua pelawat mesti melapor diri dan mendapatkan “PAS PELAWAT” dan surat kebenaran di pondok penjaga termasuk ibu bapa/ penjaga pelajar mesti berjumpa dengan pengetua (atau wakilnya di pejabat sekolah) sebelum berurusan dengan pihak sekolah, guru, staf sokongan atau pelajar sekolah ini.

- ii. Ibu bapa/ penjaga yang hendak berurusan dengan anak masing-masing hendaklah menunggu di pejabat atau di bilik yang ditetapkan. Pelawat tidak dibenarkan pergi dari kelas ke kelas atau berlegar-legar di sekitar kawasan sekolah.
- iii. Semua pelawat termasuk ibu bapa/ penjaga hendaklah berpakaian sopan dan kemas.
- iv. pihak sekolah akan meminta ibu bapa/ penjaga/ wakil untuk menunjuk kad pengenalan sebagai bukti pengenalan diri dalam keadaan tertentu.
- v. Kenderaan pelawat ibu bapa/ penjaga tidak dibenarkan memasuki kawasan sekolah dan hanya meletakkan kenderaan pada tempat letak kereta yang ditetapkan dengan kebenaran pengetua atau wakilnya.

3. TATACARA PELAJAR MENYERTAI AKTIVITI KOKURIKULUM

- i. Pelajar wajib mematuhi prosedur dan peraturan yang ditetapkan.
- ii. Pelajar tidak dibenarkan melakukan sebarang aktiviti tanpa pengawasan guru penasihat dan jurulatih.
- iii. Memaklumkan kepada guru tentang penyakit yang dihadapi atau kecederaan yang memerlukan ubat-ubatan tertentu.
- iv. Pelajar memastikan dirinya membawa alat kelengkapan yang perlu dan sesuai dengan aktiviti.
- v. Pelajar perlu mengetahui langkah-langkah keselamatan atau rawatan yang boleh diambil sekiranya berlaku kemalangan kepada dirinya atau rakan-rakan.
- vi. Pelajar perlu membuat laporan kepada guru penasihat jika ada perkara-perkara yang mungkin boleh mengganggu keselamatan dan perjalanan akitiviti.
- vii. Ketua-ketua bagi setiap unit beruniform, persatuan, kelab dan permainan yang dilantik perlu sentiasa bekerjasama dengan guru penasihat untuk mengawasi keselamatan.

i.

4. TATACARA SUKAN

Pelajar mematuhi peraturan keselamatan semasa menjalani aktiviti sukan.

- ii. Pelajar tidak dibenarkan menjalani sebarang aktiviti tanpa pengawasan guru atau jurulatih.
- iii. Memaklumi guru tentang penyakit dan kecacatan yang memungkinkan pelajar tidak dapat menjalani aktiviti sukan.
- iv. Semasa menjalani aktiviti sukan, pelajar tidak boleh membawa barang-barang yang membahayakan diri atau pemain lain seperti pisau, sikat tajam, menyimpan kuku panjang dan lain-lain.
- v. Pelajar harus memberitahu guru/ jurulatih jika terdapat pelajar lain yang melakukan aktiviti yang tidak selamat.
- vi. Pelajar melaporkan kemalangan yang berlaku kepada guru/jurulatih dengan segera supaya tindakan dapat diambil dengan segera.
- vii. Pelajar perlu mengetahui dan melakukan langkah-langkah keselamatan atau rawatan yang perlu diambil sekiranya berlaku kemalangan kepada dirinya atau rakan-rakan di padang atau gelanggang.
- viii. Pelajar perlu menggunakan peralatan dengan cara yang betul, iaitu mengikut prosedur sebagaimana yang dimaklumkan oleh guru/ jurulatih.
- ix. Pelajar memastikan peralatan sukan yang diambil dalam keadaan yang baik dan memulangkan kepada guru jika peralatan yang hendak digunakan tidak sempurna.
- x. Pelajar mesti membersihkan, mengembalikan dan menyusun peralatan sukan di tempat asal peralatan itu diambil.
- xi. Pelajar hendaklah memastikan padang dan gelanggang dalam keadaan bersih sebelum ditinggalkan, iaitu membuang botol-botol kosong, sisa makanan dan sampah sarap di tempat pembuangan sampah.
- xii. Pelajar perlu melaporkan setiap kerosakan atau kehilangan peralatan sukan kepada guru/ jurulatih yang bertugas.

i.

5. TATACARA MENYERTAI AKTIVITI LUAR

Dapatkan kebenaran ibu bapa dengan menggunakan borang deklarasi yang diberikan oleh pihak sekolah sebelum aktiviti.

ii. Pakai pakaian dan kasut yang sesuai.

iii. Bawa peralatan yang lengkap.

iv. Sentiasa mendengar arahan guru sebelum memulakan sesuatu aktiviti.

v. Sentiasa menjaga disiplin dan nama baik sekolah.

vi. Sentiasa mengutamakan keselamatan diri dan rakan-rakan yang lain.

vii. Sentiasa menjaga kebersihan sebelum, semasa dan selepas aktiviti.

viii. Laporkan apa-apa masalah kepada guru.

ix. Sentiasa mengikut garis panduan yang ditetapkan.

IKRAR PELAJAR

Bahawasanya saya, pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Baru Bintulu, dengan ini berikrar dan berjanji. Bahawa saya akan Menumpukan taat setia kepada raja dan negara serta perlembagaan negara malaysia. Saya berjanji akan bertanggungjawab menjaga nama baik sekolah, menjadi pelajar yang berdisiplin tinggi dan bertanggungjawab mencapai objektif sekolah iaitu:

- Kecemerlangan Akademik
- Kecemerlangan Kokurikulum
- Kecemerlangan Sahsiah pelajar.

Dengan ini saya berikrar akan:

- Mengamal dan menghayati prinsip-prinsip Rukun Negara
- Belajar bersungguh-sungguh
- Mematuhi peraturan dan undang-undang sekolah
- Aktif dalam kegiatan sekolah
- Menghormati ketua dan guru-guru

Sesungguhnya inilah ikrar saya selama saya menuntut, di Sekolah Menengah Kebangsaan Baru Bintulu.

Tandatangan Pelajar ,

.....

()

Tingkatan :

Tarikh :

Nota:

Ikrar ini akan dilafazkan dalam perhimpunan dan akan di tandatangani oleh pelajar dalam kelas masing-masing dengan disaksikan oleh guru tingkatan.

PERAKUAN IBU/BAPA/ PENJAGA

Saya Kad Pengenalan
..... Ibu/ bapa/ penjaga kepada
pelajar bernama yang belajar di
Tingkatan telah membaca kandungan Buku Peraturan Disiplin Sekolah Menengah
Kebangsaan Baru ini dan memahaminya segala kandungannya.

Saya mengerti panduan-panduan yang digariskan adalah untuk membentuk dan mencapai
kecemerlangan dari segi kurikulum, kokurikulum dan sahsiah bagi anak/ jagaan saya selain daripada
usaha membentuk keperibadian yang seimbang, dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek.

Saya juga mengerti bahawa sekiranya anak/ anak jagaan saya seperti penama di atas melanggar
peraturan-peraturan dan syarat-syarat yang disenaraikan di dalam Buku Peraturan ini, maka tindakan
tatatertib akan diambil mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Sekolah/ Kementerian Pendidikan
Malaysia ke atas pelajar ini.

Tandatangan pelajar ,

Tandatangan Ibubapa/ Penjaga ,

.....
Nama :
Tingkatan :
Tarikh :

.....
Nama :
Tingkatan :
Tarikh :